Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Asean berkaitan Mineral ASEAN Senior Officials Meeting on Minerals (ASOMM)

25-29.06.2012

- Program Latihan Pangkalan Data Sumber Mineral di Yogyakarta, Indonesia.
Training Programme on Mineral Resources Database in Yogyakarta, Indonesia.



05-06.12.2012

- Mesyuarat ASOMM ke-12 di Brunei Darussalam. / *12th ASOMM meeting in Brunei Darussalam.*



Coordinating Committee for Geoscience Programmes in East and Southeast Asia (CCOP)

04-08.11. 2012

➤ 48th CCOP Annual Session.



09-10.11.2012

➤ 59th CCOP Steering Committee Meeting.



JMG-China ASEAN Business Investment Summit (CABIS)

12.03.2012

➤ Lawatan Sekretariat CABIS. / *Visit of the CABIS Secretariat.*



Ketua Pengarah JMG dan Mr. Hu Fuzhang, Assistant Inspector of CCPIT Guangxi Committee, Deputy Secretary General of CABIS.
Director General JMG and Mr. Hu Fuzhang, Assistant Inspector of CCPIT Guangxi Committee, Deputy Secretary General CABIS.

Taklimat dan perbincangan bersama delegasi CABIS dan pegawai-pegawai JMG Malaysia.
Briefing and discussion session with CABIS delegation and JMG Malaysia.



Delegasi CABIS bersama pegawai-pegawai JMG, NRE dan Dewan Perlombongan Malaysia.
CABIS delegation with JMG, NRE and Malaysian Chamber of Mines.

11-13.05.2012

- Forum Kerjasama Perlombongan dan Pameran China-ASEAN 2012 di Nanning, China.
China-ASEAN Mining Cooperation Forum and Exhibition 2012, Nanning, China.



Sesi forum.
Forum session.



Mesyuarat delegasi Malaysia dengan usahawan-usahawan China.
Meeting between Malaysian delegation and Entrepreneurs from China.

Pelawat luar negara / Overseas visitors

22-24.02.2012

- Lawatan kerja delegasi Department of Geology and Minerals, Lao PDR.
Visit of delegation from Department of Geology and Minerals, Lao PDR.



Ketua Pengarah JMG dan Mrs. Chansarath BOUPHA, Deputy Director General Department of Geology and Minerals, Ministry of Natural Resources and Environment of Lao PDR.
Director General of JMG and Mrs. Chansarath BOUPHA, Deputy Director General Department of Geology and Minerals, Ministry of Natural Resources and Environment of Lao PDR.



Lawatan ke Unit Geographical Information System (GIS), Cawangan Pengurusan Maklumat.
Visit to Geographical Information System (GIS) Unit, Information Management Division.



Delegasi Lao PDR dan pegawai-pegawai JMG Malaysia.
Lao PDR delegation and JMG Malaysia officers.

26.06.2012 - 9.08.2012

- Lawatan dan latihan delegasi Geological Survey of Bangladesh.
Training and visit of delegation from Geological Survey of Bangladesh.



Lawatan ke Muzium Geologi, Ipoh
Visit to the Geology Museum, Ipoh.



Lawatan ke Pusat
Penyelidikan Mineral, Ipoh.
Visit to the Mineral Research
Centre, Ipoh.

27-28.08.2012

- Lawatan delegasi Ketua Pengarah, Department of Mineral Resources of Thailand (DMR) ke JMG Malaysia.
Visit of Director General, Department of Mineral Resources of Thailand (DMR) delegation to JMG Malaysia.



02.10.2012

- Lawatan delegasi Her Excellency The High Commission of The Kingdom of Lesotho.
Visit of Her Excellency The High Commission of The Kingdom of Lesotho delegation.



37

Aktiviti Geosains Geoscience Activities

Pemetaan Geologi Geological Mapping	39
Warisan Geologi Geological Heritage	44
Hidrogeologi Hydrogeology	47
Geologi Kejuruteraan Engineering Geology	55
Geologi Alam Sekitar Environmental Geology	61
Geologi Marin Marine Geology	63
Khidmat Nasihat Geosains Geoscience Advisory Services	65

Photo: Ling Nan Ley

Bahagian dalam Gua Niah, Sarawak. / Inside of the Niah Cave, Sarawak.

Aktiviti Geosains Geoscience Activities

Aktiviti geosains yang merupakan teras utama JMG dilaksanakan berterusan oleh Jabatan dengan menyediakan pelbagai maklumat geologi melalui kegiatan pemetaan geologi, warisan geologi, hidrogeologi, geologi kejuruteraan, geologi alam sekitar dan geologi marin. Maklumat geosains yang berkualiti serta memenuhi kehendak *stake holder* dan pelanggan adalah input penting yang dapat digunakan secara efektif dalam perancangan guna tanah bagi mencapai pembangunan mampan serta mengurangkan risiko bencana dan memelihara alam sekitar.

Pemetaan geologi dijalankan bagi mengumpul, menyelia dan menyebarkan maklumat asas geologi yang amat diperlukan dalam kerja-kerja carigali sumber mineral dan perancangan gunatanah serta kesesuaian tapak untuk pembangunan. Pemetaan warisan geologi pula dapat menilai dan memelihara tapak geologi yang berpotensi sebagai warisan negara di samping dapat mempromosikannya sebagai kawasan geopelancongan bagi menjana sosioekonomi serta kelestarian alam sekitar. Maklumat hidrogeologi merupakan input penting di dalam pengurusan sumber air bawah tanah bagi memastikan ia dapat terus diguna sebagai bekalan air negara manakala maklumat pemetaan geobencana dan penilaian risiko bencana terutama di kawasan perbandaran dan penempatan amat berguna kepada pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan yang lebih sistematik.

Geoscience activities which constitute one of the main thrusts of JMG were conducted continuously by the Department to provide necessary geological information through various activities like geological mapping, geological heritage, hydrogeology, engineering geology, environmental geology and marine geology. Quality geoscience information that meet the requirements of stakeholders and customers are important inputs as they can be used effectively in land use planning to achieve sustainable development and reduction in the risk of disasters as well as protection of the environment.

Geological mapping is carried out to collect, collate and disseminate basic geological information which is very much needed in the exploration of mineral resources and land use planning as well as in the determination of the suitability of the site for development. Geological heritage mapping is carried out to assess and conserve potential geological sites as national heritages as well as to promote geotourism that would enhance the socio-economic status and environmental sustainability. Hydrogeological information is important in the management of groundwater resources to ensure that it can be used continuously as one of the nation's water supply while information from geohazard mapping and disaster risk assessment, especially in urban and settlement areas is very useful to the local authorities in systematic development planning.

Pemetaan Geologi / Geological Mapping

Status pemetaan geologi sehingga kini ialah 86.52% dari jumlah kawasan di Semenanjung, 29.98% di Sarawak dan 27.9% di Sabah. Pemetaan geologi rantau pada skala 1:63,360 dan pemetaan geologi Kuaterner telah dijalankan di Terengganu. Selain daripada itu, pemetaan geologi khusus juga dijalankan di kawasan Bukit Bunoh, Lenggong, Perak.

The status of geological mapping for Peninsular is 86.52%, Sarawak 29.98% and Sabah 27.9%. Regional geological mapping on the scale of 1:63,360 and Quaternary geological mapping were carried out in the state of Terengganu. Specific geological mapping was also carried out in Bukit Bunoh, Lenggong, Perak.

Pemetaan geologi rantau Regional geological mapping


Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Terengganu	Chukai & Kuantan	100	Laporan pemetaan geologi meliputi Syit 73 (Chukai) dan sebahagian Syit 83 (Kuantan) telah siap dalam bentuk manuskrip. / The draft geological mapping report covering Sheet 73 (Chukai) and part of Sheet 83 (Kuantan) was completed.
Pahang	Kuala Tembeling	-	Laporan peta berjudul Geologi dan Sumber Mineral Kawasan Kuala Tembeling, Pahang telah diterbitkan. / A map report entitled Geology and Mineral Resources of Kuala Tembeling Area was published.
Jumlah : Total :		100	

Pemetaan geologi Kuaterner Quaternary geological mapping


Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Terengganu	Merang	90	Kajian perubahan aras laut kuno. Analisis mikrofosil dan penentuan usia dijalankan terhadap sampel gambut dari lubang gerimit manakala sampel permukaan pantai dianalisis untuk diatom. Paleo sea level change study. Augered peat sample were analysed for microfossils and dating was conducted. Surface samples from the beach were analysed for diatom.
Jumlah : Total :		90	

Pemetaan geologi khusus Specific geological mapping


Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Penemuan / Catatan Findings / Remarks
Perak	Bukit Bunoh, Lenggong	10	Pemetaan geologi telah dijalankan di kawasan hentaman meteorit. Dua kertas teknikal berjudul "Morphology of Bukit Bunoh: Remote Sensing And Field Evidences" dan "Morphology of Bukit Bunoh: Core Drilling Evidences" telah dibentangkan di International Conference on Archeology of Meteorite Impact, 2012, Pulau Pinang. / Geological mapping was carried out at the meteorite impact site. Two technical papers entitled Morphology of Bukit Bunoh: Remote Sensing and Field Evidences and Morphology of Bukit Bunoh: Core Drilling Evidences were presented at the International Conference on Archeology of Meteorite Impact, 2012, Penang.
Jumlah : Total :		10	



STATUS PEMETAAN GEOLOGI SEMENANJUNG MALAYSIA, 2012
STATUS OF GEOLOGICAL MAPPING PENINSULAR MALAYSIA, 2012



STATUS PEMETAAN GEOLOGI SARAWAK, 2012
STATUS OF GEOLOGICAL MAPPING SARAWAK, 2012



STATUS PEMETAAN GEOLOGI SABAH, 2012
STATUS OF GEOLOGICAL MAPPING SABAH, 2012

Kajian perubahan aras laut kuno di Merang, Terengganu Paleo sea level change study in Merang, Terengganu



Persampelan persisir pantai untuk analisis diatom.
Beach sampling for diatom analysis.



Persampelan permukaan pantai untuk kajian persekitaran enapan.
Beach surface sampling for deposition environment study.



Kerja penggerimitan untuk persampelan gambut.
Augering for peat sample.

Warisan Geologi / Geological Heritage

Kajian warisan geologi telah dijalankan bagi memastikan khazanah alam semulajadi yang sangat berharga dapat dipelihara bagi tatapan generasi akan datang. Menerusi kajian ini, konsep tapak terpelihara, monumen geologi dan lanskap berpemandangan indah dapat diperkenalkan kepada orang awam. Pencirian warisan geologi telah dijalankan di tapak-tapak terpilih bagi cadangan dan penarafan samada sebagai geotapak, tapak warisan geologi kebangsaan atau geopark.

Geological heritage studies were carried out to ensure that the wealth of nature can be conserved for future generations. Through these studies, the concept of site conservation, geological monument, and beautiful landscape can be promoted to the public. Characterisation on the geological heritage has also been carried out at the selected sites in order to propose and promote the sites to either geosite, national geological heritage site or geopark status.

Sebahagian daripada struktur-struktur geologi menarik dalam Formasi Mersing, Tanjung Lompat, Kota Tinggi, Johor. / *Some interesting geological structures in Mersing Formation at Tanjung Lompat, Kota Tinggi, Johor.*



Photo: Mohd. Fauzi Rajimin

1. Lipatan tak harmoni. / *Non-harmonic folding.*
2. Struktur ramping dan ampul. / *Pinch and swell structure.*
3. Struktur boudin. / *Boudinage structure.*

Enapan fosil di Gua Bukit Pinang, Geopark Langkawi.
Fossil deposit at Gua Bukit Pinang, Langkawi Geopark.



Photo: Muhammad Mustadza Mazni

Pemetaan warisan geologi
Geological heritage mapping

Negeri State	Kawasan Area	Status Status	Catatan Remarks
Johor	Tanjung Balau, Kota Tinggi	Tapak Warisan Geologi Kebangsaan National Geological Heritage Site	Permohonan rasmi pewartaan kedua-dua tapak sebagai tapak warisan geologi telah dihantar melalui KEJORA kepada Jabatan Warisan Negara untuk pertimbangan. Formal application for gazettelement of both sites as the National Geological Heritage Sites has been submitted to the Department of National Heritage through KEJORA.
	Batu Layar, Kota Tinggi		
Kedah	Pulau Singa Kechil	Geopark Langkawi Langkawi Geopark	Menjalankan kajian lanjut untuk monumen geologi, rupabumi, lanskap, kepelbagaian struktur geologi, batuan, fosil dan mineral. Carried out detail studies for geological monument, landform, landscape, geological structure, rock, fossil and mineral diversity.
	Pulau Rebak Besar		
	Pulau Bumbun		
	Gunung Raya		
	Teluk Mempelam		
	Pulau Dua & Pulau Lima		
	Pulau Jong		
	Pasir Tengkorak		
	Pulau Tepor		
	Gua Bukit Pinang		
Perlis	Gua Kelam	Cadangan Geotapak Kebangsaan Proposed National Geosite	Mempunyai nilai kepelbagaian batuan, rekreasi dan lanskap. Rock, recreational and landscape diversities.
	Guar Keteri		Mempunyai kepelbagaian fosil. / Fossil diversity.
	Gua Bukit Kubu		Kepelbagaian rupabumi (Paras laut kuno). Landform diversity (Ancient sea-level).
	Gunung Perlis		Kajian lanskap berpemandangan indah. / Scenic landscape.
	Taman Negeri Perlis	Geotapak Geosite	Kepelbagaian batuan. / Rock diversity.
	Gua Wang Burma		Kepelbagaian rupabumi. Landform diversity.
	Gua Cenderawasih		Kepelbagaian fosil. / Fossil diversity.
	Utan Aji		Lanskap berpemandangan indah. / Scenic landscape.
Bukit Lagi			
Sarawak	Lembangan Sarawak, Kuching (Bako, Santubong, delta dan pulau-pulau, Bau dan Tanah Tinggi Bengoh)	Cadangan Geopark Delta Sarawak Proposed Sarawak Delta Geopark	Beberapa siri perbincangan di antara Kumpulan Warisan Geologi Malaysia dan Jawatankuasa Pelaksana Pembangunan Geopark Kebangsaan telah diadakan. Satu kertas kerja bertajuk "Significant Geosite in the proposed Sarawak Delta Geopark, Sarawak" juga disediakan untuk Simposium Rimba 3 (Research Innovation for Malaysian Peninsula, Borneo and Australia). A series of discussions were held between the National Geological Heritage Group and the National Geopark Development Committee. A working paper entitled "Significant Geosites in the proposed Sarawak Delta Geopark, Sarawak" was also prepared for Simposium Rimba 3 (Research Innovation for Malaysian Peninsula, Borneo and Australia).



Photo: Muhammad Mustadza Mazni

1. Endapan fosil di Gua Bukit Kubu, Kuala Perlis, Perlis. / Fossil deposit at Gua Bukit Kubu, Kuala Perlis, Perlis.
2. Monumen geologi berbentuk kapal di Pulau Jong, Geopark Langkawi. / Geological monument resembling a ship at Pulau Jong, Langkawi Geopark.

Photo: Dana Badang

Tapak Pemuliharaan Warisan Budaya,
Megalith Batu Ritong, Pa' Lungan, Bario, Sarawak
Batu Ritong Megalith at Cultural Heritage Conservation
Site at Pa' Lungan, Bario, Sarawak.



Photo: Nizarulikram Abdul Rahim

Fosil kayu yang ditemui di dalam Aluvium Tua, Ulu Tiram, Johor.
Petrified wood discovered from the Old Alluvium, Ulu Tiram, Johor.



Hidrogeologi / Hydrogeology

Aktiviti hidrogeologi dilaksanakan di bawah Projek Pembangunan Air Bawah Tanah RMKe-10. Projek ini dijalankan oleh pejabat-pejabat negeri bagi mendapatkan maklumat air bawah tanah untuk tujuan pemodelan kawasan lembangan, menilai potensi sumber air bawah tanah dan membekalkan air bersih kepada penduduk di kawasan yang menghadapi masalah bekalan air.

Pembangunan air bawah tanah di negeri-negeri juga merupakan sebahagian daripada Projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang telah dijalankan melalui kerjasama antara JMG dengan beberapa agensi kerajaan. JMG Johor, Selangor / Wilayah Persekutuan, Kelantan, Pahang dan Sarawak telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dalam menjalankan penggerudian dan pembinaan telaga untuk memadam kebakaran bermusim di kawasan tanah gambut yang kering.

Di bawah Projek Khas Bekalan Air, Jabatan telah menyumbang kepakaran dalam bidang air bawah tanah melalui kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA). Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSA) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Pemantauan air bawah tanah dijalankan sepanjang tahun untuk memantau kualiti air, memelihara dan mengelakkan pengurangan sumber air bawah tanah yang disebabkan oleh pengepaman berlebihan dan pencemaran. Pemantauan di kawasan akuifer cetek seperti di kawasan gambut pula dijalankan untuk memantau penurunan paras air bawah tanah terutama yang berkaitan dengan aktiviti pertanian yang menyebabkan kawasan tersebut menjadi kering dan terdedah kepada kebakaran semasa musim kemarau. Program pemantauan yang dijalankan meliputi pensampelan dan pengukuran paras air bawah tanah serta penyelenggaraan system penaisan air bawah tanah ringkas (SPATR).

Hydrogeology activities undertaken include the implementation of groundwater development projects under the RMKe-10. The projects were carried out by the state offices to acquire groundwater data for the purpose of basin modelling, assessment of potential of groundwater resources at certain areas as well as to provide clean water for the people in areas facing shortage of water supply.

Groundwater development in each state constitutes part of the National Key Result Area (NKRA). The development was carried out through cooperation between JMG and various state agencies. JMG Johor, Selangor / Federal Territories, Kelantan, Pahang and Sarawak have collaborated with Department of Environment Malaysia in carrying out drilling and developing wells to supply water for the seasonal fire-fighting in dry peatland areas.

Under the Water Supply Special Project, JMG has contributed its expertise through collaboration with various such as Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA) and Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSA) and Ministry of Rural Development (KKLW).

Monitoring of groundwater was carried out in throughout the year to monitor water quality, preserve and prevent reduction of groundwater resources due to over-pumping and contamination. In addition, monitoring of shallow peat aquifers was also carried out to check water levels in peat land used for agricultural purposes, where peat land can become dry, combustible and fire-prone during dry seasonal spells. Monitoring programmes include the measurement of groundwater levels, collection of samples for laboratory analysis and maintenance of Groundwater Filtration Systems (SPATR).

Pembangunan Air Bawah Tanah Groundwater Development

Penggerudian dan pembinaan telaga Drilling and well construction

Negeri State	Lokasi Location	TE* EW*	TP* PW*	TM* MW*	Catatan Remarks
Johor	Muar	1	-	-	Pembinaan telaga untuk projek Penentuan Zon Potensi Air Bawah Tanah Lembangan Sungai Muar yang merupakan projek kerjasama JMG-ARSM. / Well construction for Potential Groundwater Zone of Sungai Muar Basin joint JMG-ARSM project.
	Kg. Sg. Peroh, Kluang	-	1	-	Telaga diguna sebagai sumber bekalan air bersih kepada penduduk kampung. / Supply clean water to villagers.
Negeri Sembilan	Felda Palong 14, Gemas 4	-	1	-	Membekalkan air bersih kepada 100 pengguna. Supply clean water to 100 consumers.
Selangor	Bestari Jaya, Kuala Selangor	8	1	-	Kajian awal potensi air tanah menggunakan sistem susupan tebing sungai. Jangkaan luahan air tanah adalah 30 juta liter sehari. Preliminary study on groundwater potential from river bank infiltration system. Expected yield is about 30 million litres per day.
Perak	Chikus-Sungai Manik	9	-	-	Pembinaan telaga pengejetan untuk tujuan pemantauan air tanah. Construction of jetting well for groundwater monitoring.
	Kinta	-	3	-	Pembinaan telaga pengeluaran bagi membekalkan air kepada Sekolah Rendah Agama Tarbiah Islamiah, Tanjung Rambutan, Maahad Tahfiz, Tambun dan Pusat Pemulihan Jiwa, Bt 8, Ulu Kinta. Construction of production well to supply water to Sekolah Rendah Agama Tarbiah Islamiah, Tanjung Rambutan, Maahad Tahfiz, Tambun dan Pusat Pemulihan Jiwa, Bt 8, Ulu Kinta.
Kedah	Melele, Kodiang	-	1	-	Pembinaan telaga pengeluaran dilengkapi sistem SPATR bagi membekalkan air kepada pelajar SMA Nahdah Hasanah, Kodiang. Construction of production well complete with SPATR system to supply water for the students of SMA Nahdah Hasanah, Kodiang.
	Derang, Pokok Sena	1	-	-	Telaga akan dimajukan sebagai telaga pengeluaran bagi membekalkan air kepada pelajar SMA Maahad Tarbiyah. / The well will be developed as a production well to supply water for students of SMA Maahad Tarbiyah.
Pahang	Bukit Ibam, Rompin	1	2	-	Pembinaan telaga tiub dengan sistem bekalan air lengkap di kawasan bermasalah bekalan air. Projek memberi faedah kepada 100 orang penduduk. / Construction of production well to supply water in the water-stress area. The project benefited 100 residents.
	Tg. Lumpur, Kuantan	-	1	-	Telaga diguna untuk bekalan air kepada jemaah Surau Al-Ubudiyyah. Production well to supply water to Surau Al-Ubudiyyah.
Kelantan	Pasir Puteh, Bachok & Tumpat	-	-	10	Pembinaan telaga untuk pemantauan air tanah dan juga untuk pemodelan Lembangan Sungai Kelantan. Pemodelan menunjukkan luahan selamat akuifer cetek ialah 509 juta liter sehari. / Construction of wells for groundwater monitoring and Sg. Kelantan basin modelling. Modelling indicates a safe yield value for shallow aquifer of 509 million litres per day.

Terengganu	Kemaman	21	-	-	Pembinaan telaga eksplorasi bagi mendapatkan data untuk pemodelan Lembangan Kemaman. / <i>Construction of exploration wells for Kemaman Basin modeling.</i>
	Kg. Pelam, Kuala Berang	-	1	-	Pembinaan telaga untuk tujuan ternakan kambing. <i>Well construction for animal farming project.</i>
	Batu Rakit	-	1	-	Pembinaan telaga pengeluaran di SM Tengku Mizan Zainal Abidin untuk membekalkan air tambahan. / <i>Production well construction for Tengku Mizan Zainal Abidin Secondary School to provide supplementary water supply.</i>
Sabah	Kg. Kuala Punteh, Keningau	-	1	-	Pembinaan telaga pengeluaran yang bermanfaat kepada 800 orang penduduk kampung. / <i>Construction of production well benefited about 800 villagers.</i>

TE* / EW* = Telaga Eksplorasi / *Exploration Well*

TP* / PW* = Telaga Pengeluaran / *Production Well*

TM* / MW* = Telaga Pemantauan / *Monitoring Well*

Penggerudian dan pembinaan telaga di kawasan kebakaran tanah gambut *Drilling and construction of wells in fire prone peat area*

Negeri State	Lokasi Location	Luahan telaga / Yield (m³/jam)	Kedalaman Depth (m)	Catatan Remarks
Pahang	Parit Jono, Muar	9.1	60	Telaga telah tersedia untuk digunakan bagi mengawal kebakaran. <i>The wells are ready for use in case of peat fire.</i>
	Kampung Tuansseh, Kota Tinggi	6.4	84	
Selangor	Pulau Kempas, Kuala Langat	38	-	
	Bukit Cheding, Kuala Langat	36	-	
Pahang	Gebeng, Kuantan	16	25	
	Kg. Batu Putih, Penor, Kuantan	30	30	
Kelantan	Kg Kual Kecil, Bachok	42	60	
Sarawak	Kuala Baram	-	144	
Sabah	Kg. Kayul, Kuala Penyu	10	33.3	

Projek khas bekalan air
Special water supply project

Projek Project	Negeri State	Sumber Kewangan Fund Source	Catatan Remarks
Projek Penilaian Potensi Sumber Air Bawah Tanah di Negeri Sembilan	Negeri Sembilan	Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSA)	Menjalankan penilaian potensi sumber air bawah tanah di kawasan yang menghadapi masalah bekalan air. <i>Carried out groundwater potential assessment in areas with water supply problem.</i>
Projek Menaik Taraf Empangan Mini Air Graviti Kg. Tubiel, Matunggong, Kudat	Sabah	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar <i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>	Menaik taraf empangan mini air graviti dan sistem pempaipaan yang telah memberi manfaat kepada 120 orang penduduk. <i>Upgrading of mini dam and piping system that have benefited 120 villagers.</i>
Projek NKRA <i>Rural Basic Infrastructure</i>	Sarawak	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah <i>Ministry of Rural and Regional Development</i>	Menjalankan 61 projek sistem bekalan air graviti, 22 sistem penapaian air hujan, 9 sistem penapisan air sungai atau kolam dan sebuah sistem telaga tiub. Projek ini telah memberi faedah kepada 2,618 keluarga iaitu seramai 13,090 orang yang tinggal di pedalaman Sarawak. <i>Carried out water supply projects that included 61 gravity-feed systems, 22 rain harvesting systems, 9 filtration systems for river and pond water, and one tube well system. A total of 2,618 families with 13,090 people in the rural areas of Sarawak have benefited from the NKRA project.</i>
Penyelenggaraan Sistem Penapisan Air Bawah Tanah Sekolah Sarawak (SPATR)		Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	Menjalankan penyelenggaraan sistem SPATR di 14 buah sekolah di sekitar Kuching, Kapit, Sibu, Mukah, Miri, Samarahan, Betong dan Limbang. <i>Carried out maintenance work for the SPATR systems at 14 schools in Kuching, Kapit, Sibu, Mukah, Miri, Samarahan, Betong and Limbang areas.</i>
Projek Bekalan Air Graviti <i>Gravity Water Supply Project</i>			Menyiapkan projek bekalan air graviti yang melibatkan kerja pemasangan paip dan pembinaan takungan air di Sk Telagus, Balai Ringin, Bahagian Kota Samarahan. <i>Completion of water supply project that included laying and installation of pipes for gravity feed system at Sk Telagus, Balai Ringin, Bahagian Kota Samarahan.</i>

Program pemantauan air bawah tanah
Groundwater monitoring programme

Negeri State	Bil. Telaga Dipantau No. of Well Monitored	Catatan Remarks
Johor	40	Pemantauan dijalankan dua kali setahun di seluruh negeri dan pulau-pulau luar pantai dan didapati tidak ada perubahan ketara kualiti air tanah. Monitoring was conducted twice a year throughout the state including offshore islands and there were no significant changes in groundwater quality.
Negeri Sembilan	24	Mendapatkan data sekitaran kualiti air tanah dan paras air bawah tanah. Pemantauan termasuk menyelenggara sistem rawatan air tanah di perkampungan Orang Asli dan menaik taraf sistem pempaipaan dan rawatan telaga di Institusi Pemulihan Dadah Jelebu. To obtain groundwater quality and groundwater level baseline data. The monitoring involved maintenance of the groundwater treatment system at Orang Asli villages and upgrading of piping and groundwater treatment system at Institusi Pemulihan Dadah Jelebu.
Melaka	21	
Selangor	40	Pemantauan dijalankan dua kali setahun dan tidak ada perubahan ketara kualiti air tanah. Monitoring was conducted twice a year and there were no significant changes in groundwater quality.
Perak	45	Pemantauan dijalankan dua kali setahun dan tidak ada perubahan ketara kualiti air tanah. Monitoring was conducted twice a year and there were no significant changes in groundwater quality.
Kedah	28	Persampelan dan pengukuran paras air tanah dijalankan sekali setahun dan tidak ada perubahan ketara kualiti air tanah.
Perlis	1	Sampling and water level measurement were carried out once a year and there were no significant changes in groundwater quality.
Pulau Pinang	2	
Pahang	17	Tidak ada perubahan kualiti dan paras air bawah tanah yang ketara. No significant changes in groundwater level and quality.
Kelantan	68	Pengukuran paras air bawah tanah dijalankan sebulan sekali manakala pemantauan kualiti air bawah tanah dua kali setahun. Pemantauan mendapan tanah dijalankan empat kali setahun di kawasan medan telaga pengeluaran Pintu Geng, Wakaf Baru, Pasir Hor dan Kenali. Groundwater level was measured once a month while water sampling was carried out twice a year. Land subsidence monitoring was conducted 4 times a year in Pintu Geng, Wakaf Baru, Pasir Hor and Kenali well fields.
Terengganu	49	Pemantauan dijalankan sekali setahun di seluruh negeri dan pulau-pulau luar pantai dan didapati tidak ada perubahan ketara kualiti air tanah. Monitoring was conducted once a year throughout the state including offshore islands and there were no significant changes in groundwater quality.
Sarawak	22	Tidak ada perubahan ketara kualiti air bawah tanah. There were no major changes in water quality.
Sabah	26	Program pemantauan air bawah tanah tertumpu di kawasan Papar, Kuala Penyu, Menumbok dan Keningau. Meliputi kerja-kerja persampelan dan pengukuran paras air bawah tanah. Groundwater monitoring programme involved the groundwater table measurement and water sampling. Carried out in Papar, Kuala Penyu, Menumbok and Keningau areas.
Jumlah: Total:	383	



Pengambilan sampel air bawah tanah menggunakan peristaltic pump di Kg. Semerbok, Rembau, Negeri Sembilan.
Taking groundwater samples using a peristaltic pump at Kg. Semerbok, Rembau, Negeri Sembilan.



Pengukuran paras air bawah tanah di Kg. Semerbok, Rembau, Negeri Sembilan.
Groundwater level measurement at Kg. Semerbok, Rembau, Negeri Sembilan.



Pengukuran E.coli dalam sampel air bawah tanah menggunakan kaedah colilert.
Measurement of E. coli in groundwater samples using colilert.





Photo: Hassan Saru

Penggerudian dan pembinaan telaga di Kg. Aur, Bukit Ibam, Rompin, Pahang.
Drilling and construction of a well at Kg. Aur, Bukit Ibam, Rompin, Pahang.



Kerja penggerudian dan telaga di Kg. Kayul, Kuala Penyu, Sabah.
Well drilling works at Kg. Kayul, Kuala Penyu, Sabah.



Penggerudian telaga cetak menggunakan mesin gerudi mudah alih di Tumpat, Kelantan.
Shallow well drilling work using portable drilling machine at Tumpat, Kelantan.



Demonstrasi pengepaman air bawah tanah untuk kawalan kebakaran gambut di Kg. Kual, Bachok, Kelantan.
Demonstration of groundwater pumping for peat fire control at Kg. Kual, Bachok, Kelantan.

Geologi Kejuruteraan Engineering Geology

Pembangunan yang pesat telah menyebabkan kawasan sesuai untuk pembangunan semakin berkurangan sehingga memasuki kawasan sensitif alam sekitar termasuk kawasan lereng bukit. Sehubungan itu, Jabatan telah mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi mencegah atau mengurangkan berlakunya kejadian geobencana dengan melaksanakan pemetaan geologi terain dan pemetaan geologi kejuruteraan. Maklumat daripada aktiviti pemetaan tersebut digunakan secara meluas di dalam perancangan guna tanah oleh pihak berkuasa tempatan dan pelbagai agensi kerajaan. Jabatan juga terlibat secara langsung dalam menjalankan siasatan geobencana seperti kejadian tanah runtuh dan lubang benam untuk mengetahui punca kejadian dan faktor-faktor geologi pencetus kejadian dan seterusnya mencadangkan langkah kawalan dan pencegahan kepada pihak berkuasa negeri.

The rapid pace of development has resulted in the corresponding decrease of ideal areas suitable for development and at times the development has encroached into environmentally sensitive areas including hillsides. Accordingly, the department has taken proactive measures to prevent or reduce geohazard incidents by implementing terrain mapping and engineering geology mapping. Information from these mapping activities was extensively referred to in landuse planning by the local authorities and government agencies. The department was also directly involved in geohazard investigations such as landslide and sink hole occurrences in order to determine the possible causes and contributing geological factors and ultimately to proposed viable effective mitigation and prevention measures to the state authorities.

Pemetaan geologi kejuruteraan Engineering geological mapping

Negeri State	Kawasan Area	Jenis pemetaan Type of mapping	Liputan Coverage	Catatan / Remarks
Melaka	Bukit Beruang	Pemetaan Cerun Slope mapping	1.5 km ²	Penilaian awal terhadap kestabilan cerun di kawasan menara Telekom Malaysia. Preliminary study on the slope stability of Telekom Malaysia tower compound.
Selangor/ Wilayah Persekutuan	Taman Bukit Permai, Cheras	Pemetaan Cerun Slope mapping	100 m	Pemetaan geologi dan survei ketakselajaran untuk tujuan penilaian kestabilan cerun. Geological mapping and discontinuity survey for slope stability assessment.


Pemetaan Geologi Terain Geological Terrain Mapping

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Catatan / Remarks
Johor	Bukit Soga & Bukit Banang, Batu Pahat dan Nusajaya	60	Membantu pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dalam perancangan guna tanah. / <i>Provided assistance to Batu Pahat Municipal Council (MPBP) in landuse planning.</i>
Negeri Sembilan	Kuala Pilah	43	Menyediakan pelbagai peta tematik yang sesuai untuk pembangunan dan perancangan guna tanah. / <i>Provided various thematic maps that are relevant for development and landuse planning.</i>
Perak	Meru-Jelapang, Kinta	50	Menyediakan maklumat geologi terain untuk Rancangan Tempatan Ipoh 2020. / <i>Provided geological terrain mapping input for the 2020 Ipoh Local plan.</i>
Kedah	Kulim	50	Pemetaan geologi terain bagi perancangan pembangunan. Siap untuk cetakan. / <i>Geological terrain mapping area for development planning. Ready for printing.</i>
Kelantan	Jeli	107	Meliputi Blok 292 dan Blok 293. / <i>Covered Block 292 and Block 293.</i>
Terengganu	Bukit Kor, Marang	75	Meliputi Blok 635 (25 km ²) dan Blok 684 (50km ²). / <i>Covered Block 635 (25km²) and Block 684 (50km²).</i>
Pahang	Raub	25	Pemetaan terain dan inventori cerun. / <i>Geological terrain mapping and slope inventory.</i>
Sarawak	Santubong	10	Pemetaan pada skala 1:10,000 bagi menyediakan pelbagai peta tematik yang sesuai untuk pembangunan dan perancangan guna tanah. / <i>Mapping on 1:10,000 scale to produce various thematic maps that are relevant for development and landuse planning.</i>
	Ba Kelalan	20	Pemetaan pada skala 1:10,000 bagi menyediakan pelbagai peta tematik yang relevan untuk pembangunan dan perancangan guna tanah. / <i>Mapping on 1:10,000 scale to provide various thematic maps that are relevant for development and landuse planning.</i>
Sabah	Sandakan	20	Input geologi digunakan dalam perancangan pembangunan. / <i>Geological input was considered in the development planning.</i>
Jumlah: / Total:		460	

Siasatan geobencana Geohazard investigation

Negeri State	Lokasi Area	Jenis Bencana Type of Hazard	Catatan / Remarks
Johor	Segamat	Kegagalan cerun Slope failure	Permohonan dari Pejabat Tanah Daerah Segamat untuk: 1. Menyiasat kejadian kegagalan cerun potongan jalan di dalam kawasan perindustrian Segamat 2. 2. Menyiasat risiko kegagalan cerun akibat kerja pengorekan tanah di Lot 1537 dan 1554, Mukim Sungai Segamat. <i>The request was from Pejabat Tanah Daerah Segamat for:</i> 1. Investigation on landslide occurrence in the Segamat 2 industrial area. 2. Investigation on landslides at Lot 1537 and Lot 1554, Mukim Sungai Segamat, Segamat.

Selangor / Wilayah Persekutuan	Jalan Batu 6 1/4, Puchong	Tanah mendap Ground settlement	Siasatan mendapan akibat pergerakan tanah tambakan berhampiran tembok penahan yang menyebabkan keretakan dinding rumah. / Investigation on ground settlement at filled platform near rubble wall that have resulted in the cracking of the house wall.
	Menara Tinjau, Ampang, Hulu Langat	Gelinciran tanah Landslide	Siasatan gelinciran tanah pada cerun potongan jalan dari Ampang ke Hulu Langat yang telah menghalang lalulintas. / Investigation on landslide at cut slope along the Ampang-Hulu Langat stretch that have caused traffic disruption.
	Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), UKM Bangi	Gelinciran tanah Landslide	Permintaan daripada JAS untuk siasatan geologi ke atas gelinciran tanah pada cerun tambakan di dalam alur saliran semulajadi. Kejadian dikhuatiri mengancam keselamatan struktur bangunan berhampiran. / Geological investigation on landslide at the embankment within natural concave valley as requested by DOE. Previous landslip occurrences and this major earth movement had caused concerns over the safety of nearby building.
	Taman Sunway Semenyih, Semenyih	Tanah mendap Ground settlement	Siasatan kejadian mendapan tanah yang telah menyebabkan beberapa buah rumah teres di atas platform tambakan mengalami keretakan. / Investigation on ground settlement that had caused houses built on the filled platform to develop cracks.
Perak	Lembah Kinta	Tanah mendap dan lubang benam Land subsidence and sinkhole	Siasatan tujuh kes tanah mendap dan lubang benam dengan diameter antara 0.5-3.5m yang berlaku di kawasan sedang dibangunkan dan penempatan. Investigation on seven cases of land subsidences and sinkholes with diameters between 0.5-3.5m occurred in areas under development as well as in residential areas.
		Jatuhan batuan Rockfall	Siasatan dua kes jatuhan batuan yang melibatkan kerosakan hartabenda. Investigation on two cases of rockfalls that had caused damage to properties.
	Bersia, Gerik	Gelinciran tanah Landslide	Siasatan gelinciran tanah pada cerun potongan di Loji Rawatan Air Gerik V, Bersia yang mengakibatkan gangguan kepada bekalan air di Daerah Gerik. Investigation on landslide that occurred on the cut slope at the Gerik V Water Treatment Plant, Bersia which had affected water supply in Gerik District.
	Tanjung Malim	Gelinciran tanah Landslide	Siasatan gelinciran tanah pada cerun potongan berhampiran blok asrama lelaki INSTUN yang mencetuskan kebimbangan penghuni dan pihak pengurusan. Investigation on landslide that occurred on the cut slope nearby INSTUN's men hostel block which had caused worries among the residents and the management.
Terengganu	Felda Selasih, Setiu	Tanah mendap Land subsidence	Siasatan kejadian tanah mendap dan lubang benam di kawasan tambakan di dalam alur saliran semulajadi bagi tujuan pembinaan rumah. / Investigation of land subsidence and sinkholes that occurred at filled platform on concave slope for residential development.
Pahang	Gua Telinga	Batu runtuh Rock falls	Kejadian menyebabkan laluan masuk di dalam gua menjadi sempit. The event had narrowed the passage way into the cave.
Sarawak	Taman Payak Udak, Bandar Betong	Gelinciran tanah Landslide	Kegagalan satah peralapisan yang miring ke arah permukaan cerun mengakibatkan kerosakan jalan akses. / Plane failure along bedding surfaces which were dipping toward the slope face, causing damages to the access road.
Sabah	Kg. Terusan, Lahad Datu	Tanah runtuh Landslide	Kejadian berlaku pada bulan Februari dan telah meragut dua nyawa, seorang cedera parah dan sebuah rumah musnah. / Incident occurred in February and had claimed two lives, another seriously injured and destroyed a house.
	Kg. Kiau, Kota Belud	Tanah runtuh Landslide	Kejadian berlaku pada bulan Mei menyebabkan tiga buah kampung terputus hubungan (Kg. Kiau Taburi, Kg. Kiau Nuluh dan Kg. Kiau Bersatu), memusnahkan lapan buah rumah dan menjejaskan 3,000 penduduk. Incident occurred in May which had cut-off the access road linking the three villages (Kg. Kiau Taburi, Kg. Kiau Nuluh and Kg. Kiau Bersatu) and destroyed eight houses and affected 3,000 residents.



AKTIVITI GEOLOGI KEJURUTERAAN, 2012
ENGINEERING GEOLOGY ACTIVITIES, 2012



Photo: Edward Muol

1. Kegagalan cerun di Jalan Kg. Puneng Kelalan, Ba Kelalan, Sarawak.
Slope failure at Kg. Puneng Kelalan road section, Ba Kelalan, Sarawak
2. Bongkah-bongkah batuan hasil daripada aliran puing di bahagian timur kawasan Santubong, Kuching, Sarawak.
Rock boulders as a result of debris flow at the eastern side of Santubong area, Kuching, Sarawak.
3. Kawasan pemetaan geologi terain di bahagian timur Santubong, Kuching, Sarawak.
Geological terrain mapping area at the eastern side of Santubong, Kuching, Sarawak.

Photo: Mohd Shukri Ramlan

Puing runtuh yang terdiri daripada bahan tambakan, struktur penahan gabion dan tanah terluhawa, Jalan Ampang-Hulu Langat, Hulu Langat, Selangor.
Landslide debris made up of fill material, gabion blocks and weathered granitic soil at Ampang-Hulu Langat road, Hulu Langat, Selangor.





Tanah runtuh pada cerun potongan di Loji Rawatan Air Gerik V, Bersia, Gerik, Perak.
Landslide on cut slope at Gerik V Water Treatment Plant, Bersia, Gerik, Perak.



Tanah runtuh di kawasan blok asrama lelaki INSTUN, Tanjung Malim, Perak.
Landslide at INSTUN's men hostel block area, Tanjung Malim, Perak.



Gelinciran tanah yang memusnahkan sebuah bungalow di Kg. Kiau, Kota Belud, Sabah.
Landslide that destroyed a bungalow at Kg. Kiau, Kota Belud, Sabah.

Geologi Alam Sekitar / Environmental Geology

Ulusan laporan penilaian kesan alam sekeliling Review of environmental impact assessment reports

Ulusan laporan penilaian kesan alam sekeliling untuk projek pembangunan Review of environmental impact assessment reports for development projects

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Johor	31	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, industri, tapak pelupusan sisa pepejal, infrastruktur dan pertanian. / Proposed mixed development for housing, industry, landfill, infrastructure and agriculture.
Melaka	2	Cadangan pembangunan bercampur dan tapak pelupusan sisa pepejal. / Proposed mixed development and landfill site.
Negeri Sembilan	3	Cadangan pembangunan bercampur dan tapak pelupusan sisa pepejal. / Proposed mixed development and landfill site.
Selangor	60	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, industri, kuari, pengambilan pasir laut, perlombongan pasir, pusat peranginan, infrastruktur dan pertanian. / Proposed mixed development, housing, industry, kuari, sand dredging, sand mining, resort and hotel, infrastructure and agriculture.
Perak	11	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, industri, tapak pelupusan sisa pepejal, infrastruktur dan pertanian. / Proposed mixed development, housing, industry, landfill, landfill, infrastructure and agriculture.
Kedah	13	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, restoran, resort dan hotel, perindustrian, pembangunan persisir pantai, skim pindahan dan empangan. / Proposed mixed development, housing, restaurant, resort and hotel, industrial, coastal development, transfer scheme and dam.
Pulau Pinang	14	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan dan perindustrian. / Proposed mixed development, housing and industry.
Perlis	3	Cadangan pembangunan bercampur dan empangan. / Proposed mixed development and dam.
Kelantan	10	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, industri, loji rawatan air, perlombongan, tapak pelupusan sisa pepejal, infrastruktur dan pertanian. / Proposed mixed development, housing, industry, water treatment plant, mining, landfill, infrastructure and agriculture.
Terengganu	2	Cadangan pembangunan bercampur, perumahan, industri, tapak pelupusan sisa pepejal, infrastruktur dan pertanian. / Proposed mixed development, housing, industry, landfill, landfill, infrastructure and agriculture.
Pahang	12	Cadangan pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di daerah Kuantan, Cameron Highlands, Bentong, Bera dan Pulau Tioman. / Proposed development in Environmentally Sensitive Areas in Kuantan, Cameron Highlands, Bentong, Bera districts and Tioman Island.
Sarawak	33	Cadangan pembangunan perumahan, pembinaan jalanraya dan jambatan, empangan, pengairan, tapak pelupusan sisa pepejal, penimbunan tanah, bekalan air, loji rawatan air, penyaluran elektrik, kuari, lombong arang batu, industri gas dan petroleum, loji ferro-alloi, loji silikon, loji titanium, jelapang padi dan penanaman sawit di atas tanah Adat Bumiputra (NCR Sarawak). / Proposed development on housing, construction of roads and bridges, dam, irrigation, landfill, reclamation, water supply, water treatment, electricity transmission, quarry, coal mining, oil and gas industry, ferro-alloy plant, silicon plant, titanium plant, paddy fields, and palm oil cultivation in Native Customary Right Land (Sarawak NCR).
Sabah	21	Cadangan pembangunan kuari, pengeluaran bahan tanah/pasir/kelikir, pembinaan jalan, industri gas dan minyak, institusi pendidikan, kilang kelapa sawit, ladang kelapa sawit, empangan, pembangunan perumahan dan pusat peranginan. / Proposed quarry, earth/sand/gravel extraction, road construction, oil and gas industry, educational institution, palm oil mills, oil palm plantations, dam, housing and resort centre.
Jumlah / Total:	215	

Kajian Geologi Alam Sekitar Environmental Geology Studies

Negeri State	Kawasan Locality	Catatan Remarks
Melaka	Kerubung	Kajian taburan dan sebaran bahan larutresap dalam air permukaan dan air bawah tanah di kawasan tapak pelupusan sampah Kerubung, Melaka. / <i>The study of leachate distribution and transportation in surface water and groundwater of the Kerubung landfill, Melaka.</i>
Sarawak	Ulu Melatai, Ulu Baleh	Kajian susulan tapak tanah runtuh berskala besar yang telah memberi impak kepada alam sekitar di Ulu Sungai Baleh dan Batang Rajang. / <i>Follow up study at the site of a large scale landslide that caused environmental impact in Upper Baleh River and Batang Rajang.</i>
Sabah		Terlibat dengan Projek Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dalam menyediakan “Dasar Alam Sekitar Negeri Sabah” dan “Garis panduan Penyediaan Laporan Kajian Impak Terhadap Alam Sekitar”. / <i>Involved with the Environmental Protection Department in the project entitled “Sabah Environmental Policy” and “Environmental Impact Assessment Study Guidelines”.</i>



Photo: Muhammad Fawwaz Zainal Abedin

Pengukuran kualiti air di Tapak Pelupusan Sampah Kerubung, Melaka.
Measurement of water quality at Kerubung Landfill Site, Melaka.



Wakil dari pelbagai agensi kerajaan yang terlibat semasa menjalankan kajian dari udara di kawasan Ulu Melatai, Baleh, Bahagian Kapit, Sarawak.

Representatives from government agencies involved in the aerial surveillance of Ulu Melatai area, Baleh, Kapit Division, Sarawak.



Photo: Abdul Razak Zainal Abidin

Kejadian tanah runtuh dan hakisan di kawasan bukit dan lereng curam, Ulu Melatai, Bahagian Kapit, Sarawak.
Landslide and severe erosion of steep slopes in hilly area at Ulu Melatai, Kapit Division, Sarawak.



Photo: Freddy H. Chinta

Kelodakan di kuala Sungai Melatai, Bahagian Kapit, Sarawak.
Siltation at the mouth of Sungai Melatai, Kapit Division, Sarawak.

Geologi Marin Marine Geology

Aktiviti Geologi Marin dalam tahun ini tertumpu kepada perancangan survei hidrografi dan penyediaan draf laporan submission Projek Pelantar Benua Malaysia Fasa 2 untuk Commission on the Limits of the Continental Shelf (CLCS), survei geofizik and persampelan bagi Projek Sumber Pasir Laut Yayasan Melaka dan juga pelaksanaan program saintifik bersama dengan Universiti Malaysia Terengganu.

Aktiviti utama Projek Pelantar Benua Malaysia Fasa 2 melibatkan perancangan survei hidrografi di Laut Cina Selatan yang dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 2013. Perancangan teliti diperlukan untuk survei ini memandangkan projek ini berkepentingan negara dan berkos tinggi. Kompilasi data telah diuruskan berterusan, di samping itu juga beberapa siri mesyuarat, sesi perbincangan, kursus dan bengkel telah diadakan untuk pasukan kerja teknikal bagi merangka dan menyediakan laporan submission kepada CLCS di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Projek kajian sumber pasir laut Yayasan Melaka telah dimulakan pada bulan Jun 2012 dengan pelaksanaan survei geofizik di perairan laut Negeri Melaka untuk memperoleh data seismik, side-scan sonar, batimetri dan navigasi. Sejumlah 455 km garis survei geofizik telah disiapkan, manakala sejumlah 76 sampel cekau dan 76 sampel teras telah dikutip dan selesai pada bulan Disember 2012. Analisis sampel juga telah disiapkan.

Marine Geology activities for the year focussed on hydrographic survey planning and drafting of the Malaysia Continental Shelf Phase 2 submission report for the Commission on the Limits of the Continental Shelf (CLCS), geophysical and sampling survey for the Yayasan Melaka marine sand resource project as well as joint scientific programmes with University Malaysia Terengganu.

The main activity for Phase 2 of the Continental Shelf Project involved planning of the hydrographic survey in the South China Sea which is expected to be carried out in 2013. Careful planning for the survey is necessary as this project is of national interest and incurs high cost. Compilation of data is currently on-going, together with a series of meetings, discussion, courses and workshops which were also conducted for the Technical Working Group in preparation for report submission to CLCS in the United Nations.

Marine sand resource study for Yayasan Melaka was initiated in June 2012 with the conduct of geophysical surveys in offshore Malacca waters to acquire seismic, side-scan sonar, bathymetry and navigation data. A total of 455 km of geophysical survey lines were completed together with the collection of a total of 73 grab and 76 core samples under the sampling programme which was completed in December 2012. Analysis of these samples was also completed.

Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 25hb September 2012. MOU ini akan memberikan manfaat signifikan kepada kedua-dua pihak signatori melalui pelbagai bidang kajian dan penyelidikan bersama terutamanya berkaitan perubahan iklim, kenaikan paras laut dan pengurusan persisiran pantai. Pada bulan November 2012, satu Program Persampelan Geologi Kuaterner di bawah Projek DelSea II telah diadakan di UMT yang melibatkan peserta dari JMG dan UMT.

Sejumlah 25 permohonan dari pelbagai syarikat untuk lesen melombong pasir laut di bawah Seksyen 4 Akta Pelantar Benua 1966 (dipinda 1972) telah dikaji dan ulasan telah dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Permohonan lesen melibatkan kawasan lepas pantai di Negeri Selangor, Perak, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Labuan. Satu permohonan khidmat nasihat berhubung dengan permohonan pasir laut juga telah diberikan.

A Memorandum of Understanding (MOU) was signed between the Minerals and Geoscience Department (JMG) and University Malaysia Terengganu (UMT) on 25th September 2012. The MOU will benefit both signatories significantly through collaborative research studies notably on climate change, sea level rise and coastal management. In November 2012, a Quaternary Geology Sampling Programme under the auspices of DelSea II Project was held at UMT and involved participants from both JMG and UMT.

A total of 25 applications from various companies for offshore sand mining license under Section 4, Continental Shelf Act 1966 (revised 1972) were reviewed for the Department of Director General of Land and Mines. The applications were from offshore waters of Selangor, Perak, Johore, Pahang, Negeri Sembilan, Malacca and Labuan. One advisory service was also provided on marine sand application.



Pengambilan sampel teras semasa survei untuk Projek Yayasan Melaka.
Core sampling during the survey for Yayasan Melaka Project.



Interpretasi sampel bersama Dr Yoshiki Saito dari Jepun semasa Program Persampelan Geologi Kuaterner di bawah DelSea II.
Sample interpretation with Dr Yoshiki Saito from Japan during Quaternary Geology Sampling Program under DelSea II.

Khidmat Nasihat Geosains Geoscience Advisory Services

JMG secara aktif memberi khidmat nasihat kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan individu dalam aspek hidrogeologi, geologi kejuruteraan, ulasan guna tanah dan maklumat geosains.

Khidmat nasihat hidrogeologi merangkumi pelesenan air bawah tanah, kelulusan sumber air mineral semula jadi dan potensi penggunaan sumber air bawah tanah untuk pertanian, industri dan domestik. Umumnya di semua negeri, JMG adalah ahli tetap di dalam Jawatankuasa Penggunaan Sumber Air Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Kelulusan Pembungkusan Sumber Air Mineral Semulajadi dan Jawatankuasa Pelesenan Sumber Air Bumi.

Khidmat nasihat geologi kejuruteraan dan guna tanah pula merangkumi aspek perancangan pembangunan bandar baru, penjajaran jalan dan perancangan guna tanah. JMG juga terlibat dalam penilaian kawasan berisiko geobencana melalui keanggotaannya dalam jawatankuasa peringkat negeri seperti Jawatankuasa Perancangan Negeri, Jawatankuasa Bencana Negeri, Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Jawatankuasa Tanah Tinggi dan Pembangunan Lereng Bukit.

Ulasan Pusat Setempat (OSC)

Kawalan pembangunan adalah sangat penting di negara ini untuk memperkasa dan memperkemaskini proses perbandaran. Sehubungan itu, fungsi jabatan menjadi semakin penting dan mencabar, terutamanya bagi cadangan pemajuan yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan sensitif geologi. JMG adalah agensi tunggal kerajaan yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang geologi dan bertanggungjawab membekalkan maklumat geologi bagi menilai risiko geobencana dan kesan pembangunan ke atas alam sekitar.

Sepanjang tahun ini JMG telah memberi khidmat nasihat secara aktif dalam aspek kebenaran merancang untuk Pusat Setempat (OSC) kepada PBT di samping memberikan pandangan teknikal kepada pihak swasta terutama kepada pihak pemaju di mana sebanyak 7,041 ulasan OSC telah dikeluarkan.

JMG gives advisory services to government agencies, private sectors and individuals on the aspects of hydrogeology, engineering geology, reviews of land use planning and geoscience information.

Advisory service on hydrogeology covers the licensing of groundwater extraction, approval on natural mineral water sources and giving advice on the potential use of groundwater resources for agriculture, industry and domestic uses. JMG is also a permanent member in the State Water Resources Management Committee, Licensing of Natural Mineral Water Committee and Licensing of Groundwater Resources Committee.

Advisory service on on engineering geology and land use covers the aspects of planning and development of new township, road alignment and land use planning. JMG is also involved in the assessment of areas with geohazard risk and serves as a member in the State Planning Committee, State Disaster Committee, Environmentally Sensitive Areas Committee and High Land and Hillside Development Committee.

One Stop Centre (OSC) Review

Appropriate control of development is very important in this country in order to strengthen and streamline the process of urbanisation. Accordingly, the functions of the department are becoming increasingly more important and challenging, especially in assessing and approving development proposals involving environmentally and geologically sensitive areas. Among the government agencies, JMG is the sole department with specialised expertise in geology and is responsible in providing geological information to assess geohazard risk and the effect of development on the environment.

During the year, JMG has been actively giving advisory services to local authorities through One Stop Centre (OSC) as well as giving technical support to the private sector mainly to the property developers. A total of 7,041 OSC reviews were completed.

Negeri State	Jenis ulasan / Type of review		
	Pusat Setempat One Stop Centre (OSC) (Bil./No.)	Guna tanah Land use (Bil./No.)	Maklumat geosains am General geoscience information (Bil./No.)
Johor	810	-	-
Melaka	180	-	1
Negeri Sembilan	270	4	5
Selangor	2,998	347	205
Perak	395	-	12
Kedah	361	38	-
Pulau Pinang	148	-	-
Perlis	44	-	-
Kelantan	119	58	22
Terengganu	832	33	-
Pahang	884	15	120
Sarawak	-	-	-
Sabah	-	-	-
Jumlah: / Total:	7,041	437	343

Khidmat Nasihat Hidrogeologi Hydrogeology Advisory Services

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Johor	35	Khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri Johor untuk mendapatkan sumber air bawah tanah bagi mengatasi masalah kualiti air Sg. Muar dan Sg. Benut yang tercemar. Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah juga diberi kepada pihak swasta dan juga orang perseorangan. / <i>Advisory services were rendered to Johor State Government for groundwater feasibility study in resolving the problem of polluted Sg. Muar dan Sg. Benut. Technical advice was also provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Melaka	6	Menyediakan ulasan teknikal abstraksi air bawah tanah bagi tujuan perlesenan sumber air bawah tanah dan air mineral. Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah juga diberi kepada pihak swasta dan juga orang perseorangan. / <i>Provided technical reviews of groundwater abstraction for the licencing of ground water and mineral water. Technical advice was also provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Negeri Sembilan	4	
Selangor	20	Khidmat nasihat kepakaran dan membantu pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam memberi ulasan untuk permohonan lesen abstraksi air bawah tanah. Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah juga diberi kepada pihak swasta dan juga orang perseorangan. / <i>Advisory services to Selangor Water Board (LUAS) on groundwater resources and technical reviews on groundwater abstraction licencing. Technical advice was also provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Perak	5	Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan. / <i>Technical advice to government agencies, private sectors and individual pertaining to groundwater resources.</i>

Kedah	8	Menyediakan ulasan teknikal potensi sumber air bawah tanah untuk pertanian, domestik, industri dan perlesenan air mineral yang dipohon oleh agensi kerajaan, pihak swasta dan individu. <i>Provided technical review regarding the potential use of groundwater for agriculture, domestic use, industrial sectors and mineral water licencing as requested by government agencies, private sectors and individuals.</i>
Kelantan	18	Menyediakan khidmat nasihat berkaitan perlesenan air mineral serta sumber air bawah tanah. <i>Provide advisory services regarding mineral water licencing and groundwater resources.</i>
Terengganu	2	Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah diberi kepada pihak swasta dan orang perseorangan. <i>Technical advice was provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Pahang	3	Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah diberi kepada pihak swasta dan orang perseorangan. <i>Technical advice was provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Sabah	9	Khidmat nasihat berkaitan air bawah tanah diberi kepada pihak swasta dan orang perseorangan. <i>Technical advice was provided to private sector and individual pertaining to groundwater resources.</i>
Jumlah: / Total:	110	

Khidmat Nasihat Geologi Kejuruteraan Engineering Geology Advisory Services

Negeri State	Bil. ulasan No. of review	Catatan Remarks
Selangor	2	Siasatan tanah bagi mengetahui keadaan tapak letakan struktur pendasaran bangunan yang berkemungkinan mempengaruhi integriti struktur pangsapuri. / <i>Soil investigation was conducted to ascertain the subsurface ground condition that may have influenced the structural integrity of the apartment.</i>
Perak	7	Khidmat nasihat kepakaran kepada pelanggan berkaitan maklumat geologi kejuruteraan bagi tapak pembinaan. / <i>Advisory services regarding engineering geological information for construction purposes.</i>
Kelantan	10	Berkaitan aspek geologi kejuruteraan. / <i>Advisory services regarding engineering geological information.</i>
Terengganu	9	Khidmat nasihat dan laporan kerja tanah. / <i>Advisory services on engineering geological information pertaining to landuse planning.</i>
Pahang	116	Khidmat nasihat berkaitan isu geologi pembangunan di kawasan-kawasan terpilih Pahang. <i>Advisory services pertaining to geological issues on selected development areas in Pahang.</i>
	5	Ulasan bagi Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan pindaan-pindaan RTD. <i>Reviews for Local Plan (RTD) and RTD Revisions.</i>
Sarawak	8	Khidmat nasihat berkaitan maklumat geologi kejuruteraan <i>Advisory services regarding engineering geological information</i>
Sabah	102	Input geologi kejuruteraan bagi siasatan tapak cadangan pembangunan di kawasan sensitif geologi di Sabah. / <i>Engineering geological input for proposed development site investigation in geological sensitive area in Sabah.</i>
Jumlah: Total :	259	

Khidmat Nasihat Lain

JMG telah dilantik oleh Universiti Sains Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja penggerudian di sekitar Bukit Bunuh, Lenggong, Perak bagi menentukan stratigrafi dan ciri-ciri sub-permukaan kesan hentaman meteorit. Sebanyak dua lubang gerudi dengan kedalaman 118 m dan 61.4 m telah berjaya digerudi bagi tujuan tersebut. Teras gerudi yang diperolehi telah dianalisis untuk mengenal pasti jenis batuan dan menentukan perubahan mineral kesan hentaman tersebut.

Khidmat nasihat telah disampaikan melalui Seminar Kajian Geoterma Sebagai Sumber Tenaga Boleh Baharu yang telah dianjurkan di Marriott Hotel, Putrajaya pada 17.02.2012 sebagai kick-off pelaksanaan projek dan untuk memberi kefahaman kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana dan agensi terlibat mengenai kajian geoterma yang akan dilaksanakan. Seminar adalah usahasama JMG Perak, Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Bagi memberi kefahaman dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap risiko kejadian batu runtuh berhampiran bukit batu kapur, satu seminar Kesedaran Risiko Batu Runtuh di Kawasan Bukit Batu Kapur Lembah Kinta, Perak telah dianjurkan bersama oleh JMG Perak and Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 13 Mac 2012 di Dewan Azlan Shah, MBI.

Seminar Perubahan Aras Laut Kuno – Kefahaman Terhadap Sejarah Pembentukan Bumi telah dianjurkan pada 26 Mac 2012 di Mini Auditorium, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Serdang, Selangor. Objektif seminar adalah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta terhadap perubahan aras laut kuno implikasi kenaikan aras laut akibat perubahan cuaca. Seminar adalah anjuran bersama JMG Malaysia, Perak, NAHRIM dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Other Advisory Services

JMG has been appointed by the University Science of Malaysia to carry out drilling works at the vicinity of Bukit Bunuh, Lenggong, Perak to determine the stratigraphy and the characteristics of sub-surface effects of meteorite impact. A total of two deep drill holes with depths of 118 m and 61.4 m have been successfully drilled for these purposes. The drill cores obtained were studied for rock type identification and mineral changes due to the meteorite impact.

Advisory services were delivered through a seminar on Geothermal as Renewable Energy Study which was conducted at Marriott Hotel, Putrajaya as a kick-off for the project implementation and for better understanding for the Implementation Committee Member and related agencies on the geothermal study that will be undertaken. The seminar was jointly organized by JMG Perak, Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA) and Ministry of Natural Resource and Environment (NRE).

In order to increase public awareness on rockfall risk near limestone hills, an awareness seminar on Rockfall Risk at Limestone Hills in Kinta Valley was jointly organised by JMG Perak and the Ipoh City Council (MBI) on the 13th March 2012 at Dewan Azlan Shah, MBI.

Seminar On Paleo Sea Level Change – Understanding The Earth Formation History was held on 26th March 2012 at Mini Auditorium, National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM), Serdang, Selangor. The objective of the seminar is to disseminate information on paleo sea level changes and implication of sea level changes due to climate change.

Aktiviti Mineral Mineral Activities

69

Mineral Berlogam Metallic Minerals	70
Mineral Perindustrian Industrial Minerals	73
Mineral Tenaga Energy Mineral	79
Ekonomi Mineral Mineral Economics	82
Khidmat Nasihat Mineral Mineral Advisory Services	86

Photo: Habibah Tahir

Gua Kelawar, Langkawi. / Kelawar Cave, Langkawi.

Aktiviti Mineral Mineral Activities

Aktiviti-aktiviti mineral yang dijalankan oleh JMG melibatkan penilaian sumber mineral berlogam, mineral perindustrian dan mineral tenaga. Di samping itu, JMG juga berperanan membekalkan maklumat komoditi mineral bagi membantu meningkatkan perkembangan industri mineral negara.

Penilaian sumber mineral berlogam dilaksanakan pada peringkat tinjauan dan juga susulan bagi mineral-mineral terpilih. Kajian telah menemui beberapa kawasan berpotensi emas, bijih besi, timah dan mangan. Penilaian sumber mineral perindustrian di beberapa buah negeri pula telah menggariskan kawasan-kawasan yang mempunyai rizab pasir binaan, feldspar, batuan silika, batu kapur dan lempung. Hasil penilaian sumber mineral tenaga yang dijalankan di Sarawak dan Sabah pula telah mengenal pasti beberapa kewujudan dan rizab batu arang yang berpotensi.

Mineral activities carried out by JMG involve resource evaluation for metallic, industrial and energy minerals. Apart from that, JMG also plays a role in providing mineral commodity information to support the development of the nation's mineral industry.

Metallic mineral resource evaluation for selected minerals involved reconnaissance and follow-up survey. As a result, several localities with potential for gold, iron ore, tin and manganese mineralization were delineated. Resource evaluation for industrial minerals in several states has also delineated areas with significant reserves of construction sand, feldspar, silica rock, limestone and clay. For energy minerals, coal resource evaluation in Sarawak and Sabah has identified several potential coal occurrences and reserves.

Mineral Berlogam / Metallic Minerals

Penilaian Sumber Mineral Berlogam

Penilaian tinjauan sumber mineral berlogam telah dijalankan di lima buah negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan dan Terengganu dengan jumlah liputan kawasan seluas 135 km². Hasil kajian awalan menunjukkan kewujudan berbagai mineral yang berpotensi di kebanyakan negeri.

Penilaian susulan/terperinci sumber mineral berlogam telah dilaksanakan di enam buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang, Sarawak dan Sabah dengan jumlah kawasan liputan seluas 184 km². Anomali emas, bijih besi, timah dan mangan telah ditemui di negeri-negeri tersebut.

Metallic Mineral Resources Evaluation

Reconnaissance evaluation for metallic mineral resources was carried out in five states namely Johore, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan and Terengganu covering a total area of 135 km². Preliminary study showed that there are occurrences of potential minerals in most of these states.

Follow-up metallic mineral resource evaluation was carried out in six states namely Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang, Sarawak and Sabah covering a total area of 184 km². Gold, iron ore, tin ore and manganese anomalies were identified.

Penilaian sumber mineral berlogam (tinjauan)
Metallic mineral resources evaluation (reconnaissance)

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Tujuan kajian Purpose of study	Catatan Remarks
Johor	Bukit Besar, Jemaluang, Mersing.	10	Tinjauan potensi besi Iron potential survey	Batu ber kandungan tinggi besi dengan nilai Fe antara 27% hingga 36%. / Iron-rich rocks with Fe value between 27% to 36%.
Negeri Sembilan	Titi, Jelebu	53	Tinjauan potensi bijih timah Tin potential survey	Purata SnO ₂ 16,235 ppm. Average SnO ₂ 16,235 ppm.
Kedah	Karangan, Mahang	34	Eksplorasi bijih timah Tin exploration	Kajian tinjauan awal menunjukkan pemineralan bijih timah terdapat di zon batuan metamorf. / Preliminary study suggested tin mineralisation pattern in the metamorphic zone.
Kelantan	Gua Musang, Tanah Merah & Kuala Krai	24	Eksplorasi bijih besi dan mangan Iron ore and manganese exploration	Kewujudan bijih besi dan mangan di sekitar Jajahan Kuala Krai, Gua Musang dan Tanah Merah / Occurrences of iron ore and manganese in Jajahan Kuala Krai, Gua Musang and Tanah Merah.
Terengganu	Sungai Cenderung, Kemaman	14	Eksplorasi bijih timah Exploration for tin	Satu kawasan anomali telah ditemui. An anomalous area was delineated.
Jumlah: / Total:		135		

Penilaian sumber mineral berlogam (susulan / terperinci)
Metallic mineral resources assessment (follow-up / detailed)

Negeri State	Lokasi Location	Liputan Coverage (km ²)	Sasaran Target	Catatan Remarks
Negeri Sembilan	Linggi & Lukut, Port Dickson	53	Anomali timah Tin anomaly	Kawasan Sungai Linggi menunjukkan kandungan konsentrat yang tinggi. / The Sungai Linggi area shows high concentrate content.
Perak	Batu Kurau, Daerah Larut Matang & Selama	4	Potensi mangan Manganese potential	Kajian susulan sumber mangan dengan menggunakan kaedah lelubang. Tujuan kajian adalah untuk menentukan nilai kandungan mangan dan anggaran sumber. / Follow-up study on manganese resources using pitting method. The purpose of this study is to estimate the manganese concentration and resource volume.
Kedah	Kg. Perigi, Yan	2	Potensi besi Iron potential	Singkapan batuan kuartzit dengan pemineralan besi (hematit dan magnetit) telah ditemui. / Outcrops of quartzite containing magnetite and hematite have been found.
Pahang	Jeransang	30	Potensi besi Iron potential	Satu kawasan berpotensi telah ditemui. A potential area was delineated.
	Lanchang	30	Potensi emas Gold potential	Kepingan emas telah dijumpai dalam sedimen konsentrat. Gold flakes were found in stream concentrates.
	Endau	20	Potensi bauksit Bauxite potential	Bauksit bergred rendah. Low grade bauxite.

Sarawak	Gunung Merachi, Serian	17	Anomali emas Gold anomaly	Kawasan berpotensi untuk kajian terperinci. Potential area for detailed survey.
	Gunung Nyendeng, Serian	2	Potensi emas Gold potential	Sejumlah 600 sampel tanah dan 10 sampel batuan telah dikutip. Sampel-sampel sedang dianalisis. A total of 600 soil and 10 rock samples were collected. The samples are still being analyzed.
Sabah	Balung, Tawau	1	Potensi emas Gold potential	Sejumlah 252 sampel tanah dan 54 sampel batuan telah dikutip. Nilai maksimum emas dalam sampel tanah adalah 0.349 ppm dan dalam sampel batuan adalah 0.061ppm. / A total of 252 soil samples and 54 rock samples were collected. The maximum gold value in soil samples was 0.349 ppm and in rock samples was 0.061ppm.
	Wasai-Mansan, Telupid	4	Potensi bauksit Bauxite potential	Sejumlah 33 sampel tanah telah dikutip. Nilai maksimum alumina adalah 34.12 %. / A total of 33 soil samples were collected. The maximum alumina value was 34.12%.
	Sg Mailo, Telupid	21	Potensi bauksit Bauxite potential	Sejumlah 169 sampel tanah telah dikutip. Nilai maksimum alumina adalah 41.95 %. / A total of 169 soil samples were collected. The maximum alumina value was 41.95%.
Jumlah: / Total:		184		



Photo: Saiful Azwan

Pendulangan timah plaser di kawasan Kongkoi, Titi, Negeri Sembilan.
Panning of tin placer in Kongkoi area, Titi, Negeri Sembilan.




Photo: Fakhruddin Afif

Singkapan kuartzit dan telerang kuarza mengandungi hematit dan magnetit berhampiran kaki Gunung Jerai, Kedah.
Quartzite and quartz vein containing hematite and magnetite found near the foot of Gunung Jerai, Kedah.



Photo: Razimi Ahmad

Butiran emas hasil pendulangan di kawasan Sg. Sampor, Lanchang, Pahang.
Gold flakes in panned concentrate in Sg. Sampor area, Lanchang, Pahang.



Ujian pengenalan bijih timah di lapangan menggunakan zinc disc dan asid HCl, kawasan Sg. Cenderoh, Terengganu.
Recognition test for tin ore in the field using zinc disc and HCl acid at Sg. Cenderoh area, Terengganu.



Photo: Fakhruddin Afif Fauzi

Singkapan kuartzit dengan hematit di kawasan Kampung Perigi, Yan, Kedah.
Quartzite with hematite in Kampung Perigi area, Yan, Kedah.



Photo : Noorazhar Ngatimin

Bungkah batuan kaya besi (bijih besi) di kawasan Bukit Besar, Jemaluang, Mersing, Johor.
Iron rich boulders (iron ore) found in Bukit Besar area, Jemaluang, Mersing, Johor.

Mineral Perindustrian / Industrial Minerals

Penilaian Sumber Mineral Perindustrian

Projek Penilaian Sumber Mineral Perindustrian merupakan sambungan kepada Projek Mineral Perindustrian Semenanjung, Projek Mineral Perindustrian Sarawak dan Projek Mineral Perindustrian Sabah yang telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Kesemua projek telah dilaksanakan secara tinjauan dan susulan bagi kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berpotensi.

Jenis-jenis mineral perindustrian yang dikaji dengan jumlah liputan kawasan masing-masing ialah lempung – 87 km², batuan silika – 56.8 km², feldspar – 1.5 km², Barit – 25 km², pasir binaan – 64 km² dan batu kapur – 3.5 km². Kajian yang dijalankan telah mengenal pasti longgokan sumber mineral perindustrian dengan anggaran rizab bagi pasir binaan 185.5 juta tan metrik, batuan silika 413 juta tan metrik, lempung 297 juta tan metrik dan batu kapur 719 juta tan metrik.

Industrial Mineral Resources Evaluation

The Industrial Mineral Resources Evaluation Projects were continuation of the Peninsular Industrial Mineral Project, Sarawak Industrial Mineral Project and Sabah Industrial Mineral Project that were carried out under the Ninth Malaysian Plan. Both reconnaissance and follow-up surveys were carried out in all potential areas previously identified.

The industrial minerals studied with their respective coverage areas are clay – 87 km², silica rock – 56.8 km², feldspar – 1.5 km², Baryte – 25 km², construction sand – 64 km² and limestone – 3.5 km². Estimated reserves for construction sand (185.5 million tonnes), silica rock (413 million tonnes), clay (297 million tonnes) and limestone (719 million tonnes) were identified from these studies.

Barit Baryte

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Pahang	Jenderak, Kuala Tembeling, Pulau Tawar	25	Analisis makmal sedang dilakukan. Laboratory analysis in progress.

Pasir Binaan Construction Sand

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Sabah	Sandakan	56	Kajian menunjukkan berpotensi digunakan sebagai bahan binaan. Anggaran rizab adalah 70 juta meter padu (185.5 juta tan metrik). The results shows that this area has potential for construction sand. Estimated reserve is about 70 million cubic metres (185.5 million tonnes).
	Sungai Tuaran	8	Tujuh zon dengan jumlah rizab sebanyak 42,000 tan metrik telah dikenal pasti. Keputusan ujian makmal menunjukkan pasir dari Sungai Papar sesuai digunakan sebagai agregat halus dalam kerja-kerja binaan. Seven zones with total reserves of 42,000 tonnes were identified. Results from the laboratory shows that the sand is suitable for use as fine aggregates.
Jumlah : Total :		64	186 juta tan metrik / million tonnes

Feldspar Feldspar

Negeri State	Kawasan Area	Jenis batuan asal Parent rock type	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Kelantan	Gua Musang (Padang Malim)	Tuf riolit Rhyolitic tuff	1.5	Feldspar di kawasan ini mempunyai nilai purata fluks (Na ₂ O + K ₂ O) 9% Feldspar in this area has an average flux (Na ₂ O + K ₂ O) value of 9%.

Batuan Silika Silica Rock

Negeri State	Kawasan Area	Jenis batuan Rock type	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Negeri Sembilan	Kemajuan Kg. Sg. Muntoh, Jelebu	Batuan kuarza Quartz rock	0.3	Anggaran rizab: 35.2 juta meter padu (93.3 juta tan metrik). Purata SiO ₂ 98.8% dan berpotensi sebagai ferrosilikon aloi. Estimated reserve: 35.2 million cubic metres (93.3 million tonnes). Average value of SiO ₂ is 98.8% and potential for ferrosilicon alloy.
	Padang Biawas, Kuala Pilah	Batuan kuarza Quartz rock	0.1	Anggaran rizab: 7.3 juta meter padu (19.3 juta tan metrik). Purata SiO ₂ 98.8% dan berpotensi sebagai ferrosilikon aloi. Estimated reserve: 7.3 million cubic metres (19.3 million tonnes). Average value of SiO ₂ is 98.8% and potential for ferrosilicon alloy.
	FELCRA Purun, Jelebu	Batuan kuarza Quartz rock	0.1	Anggaran rizab: 3 juta meter padu (8.0 juta tan metrik). Purata SiO ₂ 98.3% dan berpotensi sebagai ferrosilikon aloi. Estimated reserve: 3 million cubic metres (8.0 million tonnes). Average value of SiO ₂ is 98.3% and potential for ferrosilicon alloy.
	Bukit Tajam, Port Dickson	Batuan kuarza Quartz rock	1.2	Anggaran rizab: 102.7 juta meter padu (272.2 juta tan metrik). Purata SiO ₂ 97.9% dan berpotensi sebagai ferrosilikon aloi. Estimated reserve: 102.7 million cubic metres (272.2 million tonnes). Average value of SiO ₂ is 97.9% and potential for ferrosilicon alloy.
	Ladang Hillside, Seremban	Batuan kuarza Quartz rock	0.1	Anggaran rizab: 0.1 juta meter padu (0.3 juta tan metrik). Purata SiO ₂ 98.6%. Estimated reserve: 0.1 million cubic metres (0.3 million tonnes). Average value of SiO ₂ is 98.6%.
Perak	Hulu Lasah (Daerah Kuala Kangsar)	Kuarza Quartz	1	Permatang kuarza mengandungi silika (SiO ₂) dengan purata 99.1%. Anggaran rizab: 1.13 juta meter padu (3 juta tan metrik). The average of silica (SiO ₂) is 99.1%. Estimated reserve: 1.13 million cubic metres (3 million tonnes).
	Lawin (Daerah Hulu Perak)	Kuarzit Quartzite	2	Permatang kuarzit mengandungi silika (SiO ₂) dengan purata 97.9%. Anggaran rizab: 1.89 juta meter padu (5 juta tan metrik). The average of silica (SiO ₂) is 97.9%. Estimated reserve: 1.89 million cubic metres (5 million tonnes).
Terengganu	Sg. Mas, Kemaman	Kuarza Quartz	1.5	Kajian tinjauan mendapati kawasan ini berpotensi sebagai sumber batuan silika. Reconnaissance survey indicated that this area has the potential for silica rock resources.
Sarawak	Lundu-Sematan, Kuching	Batu rijang Chert	50.5	Tiga kawasan dikenal pasti mempunyai sumber batuan silika. Anggaran rizab: 4.55 juta meter padu (12.05 juta tan metrik). Three areas for silica rock resources have been identified. Estimated reserve: 4.55 million cubic metres (12.05 million tonnes).
Jumlah: Total:			56.8	413.2 juta tan metrik / million tonnes

Batu kapur Limestone

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Kedah	Pulau Timun	3.0	Anggaran rizab adalah sebanyak 596 juta tan metrik dengan beberapa lokaliti ber kandungan magnesium tinggi. Estimated reserve is 596 million tonnes where some localities show high magnesium content.
Perlis	Wang Kelian & Kaki Bukit	0.5	Anggaran rizab adalah sebanyak 123 juta tan metrik di mana kebanyakan kandungan CaCO ₃ adalah ber julat 80%-95%. Estimated reserve is 123 million tonnes, where most of the CaCO ₃ content range from 80% - 95%.
Jumlah: / Total:		3.5	719 juta tan metrik / million tonnes

Lempung Clay

Negeri State	Kawasan Area	Jenis batuan asal Parent rock type	Liputan Coverage (km ²)	Catatan Remarks
Johor	Sungai Perepat, Kota Tinggi		10	Anggaran rizab adalah sebanyak 27.3 juta tan metrik lempung marin dan berpotensi sebagai bahan mentah agregat ringan. Lempung yang dibakar menggelembung antara 6.3% hingga 16.4%. Estimated reserve of marine clay is 27.3 million tonnes and can be used for lightweight aggregates. The clay after firing bloat between 6.3% to 16.4%.
Selangor	Kampung Sungai Lang dan Olak Lempit, Daerah Kuala Langat		9	Dua longgokan telah dikenal pasti dengan anggaran rizab 121 juta tan metrik dan 16 juta tan metrik. Two deposits were identified with estimated reserve of 121 million tonnes and 16 million tonnes respectively.
	Ladang Sg. Buloh dan Sg Talang, Daerah Kuala Selangor		14	Dua longgokan telah dikenal pasti dengan anggaran rizab 52 juta tan metrik dan 81 juta tan metrik. Two deposits were identified with an estimated reserve of 52 million tonnes and 81 million tonnes respectively.
Sarawak	Mukah-Balingan, Mukah	Batuan berargilit Argillaceous rock	54	Longgokan kecil lempung dengan anggaran rizab 105,300 tan metrik telah dikenal pasti. A small deposit of fire clay with an estimated reserve of 105,300 tonnes was identified.
Jumlah: / Total:			87	297.4 juta tan metrik / million tonnes



Photo: Fadzrul Hafith Margono

Sampel lempung marin di kawasan Sungai Perepat, Kota Tinggi, Johor.
 Marine clay samples from Sungai Perepat area, Kota Tinggi, Johor.



Photo: Khairul Zaman Ibrahim

Bebola lempung marin dari kawasan Sungai Perepat, Kota Tinggi, Johor selepas pembakaran.
 Calcined marine clay from Sungai Perepat, Kota Tinggi, Johor.



Photo: Saiful Azwan

Persampelan batuan kuarza menggunakan mesin pemecah batu di Kg. Sg. Muntoh, Titi, Negeri Sembilan.
 Sampling of quartz rocks using pneumatic hammer in Kg. Sg. Muntoh, Titi, Negeri Sembilan.



Photo: Azmi Abu Bakar

Panorama permatang kuarza di kawasan Hulu Lasah, Perak.
 Panoramic view of quartz ridge in Hulu Lasah area, Perak.



Sumber feldspar di Padang Malim, Gua Musang, Kelantan.
Feldspar resources in Padang Malim, Gua Musang, Kelantan



Batu kapur berlapis Formasi Setul yang mempunyai tekstur stilolit di kawasan Wang Kelian, Perlis.
Bedded limestone of Setul Formation with stylolitic texture at Wang Kelian area, Perlis.



Photo: Japri Bujang

Longgokan lempung kawasan Rh Awing, Mukah, Sarawak.
Fire clay deposit at Rh. Awing area, Mukah, Sarawak.



Batu kapur Formasi Setul berwarna kelabu gelap, bertekstur halus dan mengandungi mikro-teleraung kalsit serta tekstur stilolit dari kawasan Wang Kelian, Perlis.
Grey colour and fine-grained limestone of Setul Formation with stylolitic texture and calcite veinlets from Wang Kelian area, Perlis.



Persampelan pasir menggunakan peralatan cekau di Sungai Tuaran, Sabah.
Sand sampling by using grap sampler at Tuaran River, Sabah.

Mineral Tenaga

Energy Mineral

Penilaian Sumber Batu Arang

Penilaian sumber batu arang telah dilaksanakan di negeri Sarawak dan Sabah yang masing-masing meliputi jumlah keluasan 60 km² dan 30 km². Eksplorasi batu arang pada peringkat tinjauan di Sarawak melibatkan kawasan Tunoh, Kapit dalam Formasi Nyalau. Ketebalan lapisan batu arang tersebut berjulat dari 0.2 m ke 1.30 m dan menunjukkan tekstur grafitik.

Di Sabah, kajian batu arang telah dilaksanakan di Blok Susui dan Sg. Naundung, Kalabakan. Unjuran tambahan lipit batu arang sejauh 500 m telah dijangka di kawasan Blok Susui berdasarkan tafsiran survei geofizik. Manakala di kawasan Sg. Naundung, satu lipit batu arang telah ditemui berketebalan satu meter yang mempunyai gred *high volatile bituminous coal*.

Coal Resources Evaluation

Coal evaluation was carried out in Sarawak and Sabah covering a total area of 60 km² and 30 km² respectively. Reconnaissance coal exploration in Sarawak involved re-assessment of coal resources in Nyalau Formation in Tunoh area, Kapit. The thickness of coal seam in this area ranges from 0.2 m to 1.3 m and the coal shows graphitic textures.

In Sabah, coal exploration was conducted in Susui Block, Pinangah area and in Sg Naundung, Kalabakan area. Based on geophysical interpretation, an additional length of 500 m of coal seam in Susui Block was inferred. While in Sg Naundung, a one-metre coal seam of *high volatile bituminous coal* grade was encountered.

Batu arang Coal

Negeri State	Kawasan Area	Liputan Coverage (km ²)	Gred Grade	Catatan Remarks
Sarawak	Tunoh, Kapit	60	Batu arang jenis ' <i>High Volatile Bituminous Coal</i> ' <i>High Volatile Bituminous coal type</i>	22 singkapan batu arang berketebalan antara 0.2 m sehingga 1.3 m. 22 coal outcrops with thicknesses ranging from 0.2 m to 1.3 m.
Sabah	Blok Susui Pinangah, Sabah	5	Batu arang jenis ' <i>High Volatile Bituminous Coal</i> ' <i>High Volatile Bituminous coal type</i> .	Unjuran lipit batu arang sejauh 500 m dijangka wujud di kawasan kajian berdasarkan tafsiran survei geofizik. An additional seam extension of 500 m is expected in the area based on geophysical survey.
	Sg. Naundung/ Sempadan Sabah-Kalimantan	25	Batu arang jenis ' <i>High Volatile Bituminous Coal</i> ' <i>High Volatile Bituminous coal type</i> .	Satu lipit batu arang setebal satu meter dijumpai di kawasan ini. A one-metre thick bright coal seam encountered in the area.
Jumlah : / Total :		90		



Photo: Nightingale Lian

Survei geofizik menggunakan kaedah keberintangan elektrik di kawasan Pinangah, Sabah.
Geophysical survey using resistivity method in Pinangah area, Sabah.




Photo: Chung Pit Soon

Lapisan batu arang di Ulu Sg. Naunding, Tawau, Sabah.
Coal seam at Ulu Sg. Naunding, Tawau, Sabah.



Photo : Joseph Jubin Aro

Singkapan batu arang di Sg. Sagan, Tunoh, Sarawak.
Coal outcrop at Sg. Sagan, Tunoh, Sarawak.



AKTIVITI SUMBER MINERAL, 2012
MINERAL RESOURCES ACTIVITIES, 2012

Ekonomi Mineral / Mineral Economics

Pada tahun 2012, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menyediakan maklumat dan analisis komoditi mineral yang meliputi pengumpulan, penyusunan dan penyebaran maklumat mengenai eksplorasi, perlombongan, pengkuarian, pengeluaran mineral, dagangan, pelaburan dan status perkembangan industri-industri berasaskan mineral. Seperti tahun-tahun sebelumnya, JMG menerbitkan lima laporan iaitu Malaysian Minerals Yearbook, Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia, Malaysian Mining Industry, Malaysian Mineral Trade Statistics dan Review of Mineral-Based Industries in Malaysia. Selain dari menjalankan tugas rutin ini, JMG juga menjalankan kajian komoditi mineral untuk bijih besi iaitu di bawah Rolling Plan Pertama (2011/2012) RMKe-10.

Bagi tahun 2012, JMG meneruskan sumbangannya dalam penyediaan input mengenai status mineral kepada agensi-agensi kerajaan untuk digunakan mengikut keperluan masing-masing. Antara tujuannya adalah untuk kiraan sumbangan sektor perlombongan kepada ekonomi negara oleh Bank Negara dan imbalan tenaga negara oleh Pusat Tenaga Negara. JMG juga telah mengedarkan sejumlah 720 naskah laporan berkala Statistik Bulanan Industri Perlombongan Malaysia kepada semua pejabat JMG negeri dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

In the year 2012, the Minerals and Geoscience Department (JMG) provided information and analysis of mineral commodities involving the collection, collation and distribution of information related to exploration, mining, quarrying, mineral production, commercial investment and the development status of mineral-based industries. As in previous years, JMG continued with the publication of the Malaysian Minerals Yearbook, Industrial Mineral Production Statistics and Directory of Producers in Malaysia, Malaysian Mining Industry, Malaysian Mineral Trade Statistics and Review of Mineral-based Industries in Malaysia. Apart from these routine activities, JMG also conducted a mineral commodity study for iron ores under the First Rolling Plan (2011/2012) of the 10th Malaysian Development Project.

For the year 2012, JMG continued to provide periodical inputs on the status of minerals to the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) and other government agencies such as the Malaysian Tin Board, Treasury Department, Central Bank of Malaysia, Finance Ministry, Department of Statistics, Pusat Tenaga Malaysia, MIDA and MITI. The inputs were used among others to calculate the calculation of the mineral sector to the country's economy as well as in the formulation of the national energy balance. JMG have distributed 720 copies of the Monthly Statistics Report on the Mining Industry in Malaysia to state JMG offices and other relevant agencies.

JMG juga merupakan pusat rujukan bagi harga komoditi mineral. Tahun 2012 telah memberi cabaran kepada JMG dalam kompilasi harga komoditi mineral di mana harga komoditi mineral sentiasa berubah terutamanya harga emas. Selain menerima pertanyaan dari pihak luar, JMG juga menyediakan laporan mingguan harga komoditi mineral yang untuk pembentangan dalam Mesyuarat Pasca-Kabinet bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Peranan JMG dalam menyalurkan input berkaitan industri mineral meliputi peringkat antarabangsa di mana input-input telah disediakan bagi membantu kerajaan dalam pelbagai mesyuarat, perjanjian dan misi pelaburan seperti dalam forum Perjanjian Dagangan Bebas, Pertubuhan Dagangan Dunia, dagangan dua hala dan hubungan antarabangsa. Dalam hubungan ini sejumlah 7 ikhtisar negara telah disediakan dalam tahun 2012. Di peringkat ASEAN, dua orang pegawai kanan telah menghadiri mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal ASOMM Ke-9 pada 25-28 September 2012 dan juga mesyuarat ASOMM Ke-12 (ASEAN Senior Officials Meeting in Minerals) pada 5-6 Disember 2012 dan kedua-dua mesyuarat ini telah diadakan di Brunei Darussalam. Malaysia telah membentangkan dua kertas kerja teknikal dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hubungan kerjasama dua hala Malaysia-Indonesia, JMG bertindak sebagai urusetia dalam penganjuran mesyuarat dan kelancaran pelaksanaan program-program teknikal yang telah dipersetujui. Beberapa pegawai JMG telah menghadiri mesyuarat Kerjasama Saintifik dan Teknikal dalam bidang Geologi dan Sumber Mineral antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 3-6 Julai 2012. JMG juga telah terlibat dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti kerja lapangan korelasi geologi yang telah diadakan dalam tahun yang sama.

JMG continued to play its role as the reference centre for prices of mineral commodities. 2012 has been a challenging year for JMG in the compilation of information on mineral commodity prices due to constant market fluctuations especially in the price of gold. Other than public enquiries, JMG also prepared weekly data on mineral commodity prices which were traded in the Kuala Lumpur Tin Market (KLTM) and London Metal Exchange (LME) for the presentation by the Director General in post-cabinet meetings with the Ministry of Natural Resources and Environment.

JMG played its contributory role in the global arena where mineral industry inputs prepared by the Department were used by the Malaysian government in various meetings, agreements and trade investment missions and in forums such as the Free Trade Agreement (FTA), World Trade Organisation (WTO), bilateral trade and international cooperation. In this context, a total of seven country briefs were prepared in 2012. At the ASEAN level, two senior JMG officers attended the 9th ASOMM (ASEAN Senior Officials Meeting in Minerals) Working Group Meeting and the 12th ASOMM Senior Official Meeting which was held from 25-28th September 2012 and from 5-6th December 2012 respectively in Brunei Darussalam. Malaysia presented two technical papers in the meetings.

In the Malaysia-Indonesia bilateral scientific cooperation programme, JMG acted as the secretariat to oversee the organisation of steering committee meetings and the smooth implementation of technical programmes that have been agreed upon by both countries. A number of JMG officers attended the Malaysia-Indonesia meeting on Scientific and Technical Cooperation in the field of Geology and Mineral Resources held in Kota Kinabalu, Sabah on 3-6th July 2012. JMG was also involved in the implementation of field work on the geological correlation which was also held in the same calendar year.

JMG secara berterusan membantu dan memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam urusan berkaitan pembangunan mineral. Dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara 2012, JMG telah menyediakan satu kertas kerja. JMG telah menghadiri 67 mesyuarat Jawatankuasa Permit Eksport Mineral (JAPEM). Jawatankuasa ini diketuai oleh NRE bertanggungjawab mengeluarkan permit eksport mineral. Pegawai JMG juga adalah ahli Pasukan Petugas Pasir Kebangsaan (National Sand Task Force) yang diterajui NRE bagi menangani isu pergerakan pasir di dalam dan ke luar negara. JMG juga terlibat dalam Jawatankuasa Teknikal Bagi Menjadikan Industri Mineral sebagai salah satu sektor National Key Economic Area (NKEA).

Dalam menjalinkan hubungan jabatan dengan pihak industri, pegawai-pegawai JMG berterusan melakukan lawatan-lawatan kerja ke lombong-lombong dan juga industri-industri berasaskan mineral. Lawatan ini juga adalah salah satu cara JMG memperolehi maklumat dan maklumbalas berkaitan dengan pembangunan, penggunaan bahan mineral dan produk-produk hiliran berasaskan mineral yang dihasilkan terutamanya industri-industri baru. Dalam tahun 2012, lawatan telah dilakukan ke enam industri berasaskan mineral, 27 lombong dan dua kuari. Dalam tempoh yang sama JMG juga telah menerima sejumlah 127 pertanyaan berkenaan mineral dari dalam dan luar negara.

JMG continued to assist and cooperate with the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) in matters pertaining to the development of minerals. In the 2012 National Land Council meeting, JMG have presented one technical paper. JMG have also attended 67 Minerals Export Permit Committee meetings during the year. The committee headed by NRE is responsible in issuing mineral export permits. JMG is also a member of the National Sand Task Force responsible in handling issues related to sand movement within and out of the country. JMG was also involved in the Technical Committee to include mineral industry as one of National Key Economic Area (NKEA).

To establish close rapport with industry, JMG officers continually made working visits to various mines and mineral-based industries in the country to collect information related to the development and utilization of minerals, as well as the production of value-added downstream mineral products. For the year 2012, JMG officers visited six mineral-based industries, 27 mines and two quarries. For the same period, JMG received and processed a total of 127 enquiries on minerals from within the country and also from abroad.





Lawatan ke lombong bijih besi Syarikat Limemax, Kota Tinggi, Johor.
Visit to iron ore mine Limemax Company, Kota Tinggi, Johor.



Lawatan ke Kuari Hap Seng, Tawau, Sabah.
Visit to Hap Seng Quarry, Tawau, Sabah.

Khidmat Nasihat Mineral Mineral Advisory Services

Berbagai khidmat nasihat telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan pihak swasta berkenaan dengan guna tanah dan pembebasan mineral. Pertanyaan daripada pelanggan berkaitan maklumat mineral juga telah dilayani sama ada secara lisan atau ulasan bertulis.

Various advisory services were given to State Local Authorities as well as the private sector pertaining to land use and mineral clearance. Enquiries on mineral information from interested parties or individuals were also attended to either verbally or as written.

Pejabat JMG JMG Office	Khidmat nasihat mineral Mineral advisory services		
	Ulasan guna tanah Landuse review (bil. / no.)	Ulasan pembebasan mineral Mineral clearance review (bil. / no.)	Pertanyaan Enquiries (bil. / no.)
Ibu Pejabat	-	-	127
Johor	39	296	18
Melaka	-	-	-
Negeri Sembilan	142	-	27
Selangor	24	19	12
Perak	104	193	54
Kedah	71	7	10
Pulau Pinang	1	-	9
Perlis	14	-	4
Kelantan	18	134	20
Terengganu	130	68	59
Pahang	97	66	-
Sarawak	9	1	5
Sabah	91	-	15
Jumlah perkhidmatan Total no. of services	740	784	360

Aktiviti Lombong Dan Kuari Mine And Quarry Activities

Pembangunan Lombong dan Kuari <i>Mine and Quarry Development</i>	88
Kawalseliaan dan Penguatkuasaan <i>Monitoring and Enforcement</i>	91
Khidmat Nasihat Lombong dan Kuari <i>Mine and Quarry Advisory Services</i>	95

Photo: Ling Nan Ley

Tasik Biru yang indah di Bau, Kuching, Sarawak telah terbentuk daripada pit lombong emas dedah. Pit lombong ini yang berkedalaman 120 m ialah pengeluar emas terbesar dalam sejarah di kawasan perlombongan emas Bau.

The picturesque Tasik Biru or literally means 'blue lake' in Bau, Kuching, Sarawak was formed from a open cast gold mining pit. The mining pit, with a depth of 120 m was the biggest historical producer of gold in the Bau gold mining area.

Aktiviti Lombong dan Kuari Mine and Quarry Activities

Pembangunan Lombong dan Kuari Mine and Quarry Development

Jabatan juga memberi perkhidmatan teknikal dan kepakaran dalam bidang perlombongan, pengkuarian dan pemprosesan mineral. Perkhidmatan pakar seperti penyediaan garis panduan dan peraturan mengenai keselamatan, pemulihan tanah lombong dan pengendalian bahan letupan dan bahan toksik dilaksanakan oleh Cawangan Perkhidmatan Lombong dan Kuari di Bahagian Perkhidmatan Teknikal. Ini termasuk mengendalikan latihan kepada pegawai dan kakitangan dalaman serta juga agensi-agensi kerajaan lain. Selain itu cawangan itu juga bertanggungjawab sebagai Urusetia bagi pengendalian peperiksaan pembedil jabatan. Ini melibatkan penyediaan dan penyemakan soalan peperiksaan serta menjalankan ujian amali di lapangan dengan kerjasama pejabat JMG negeri.

Perundangan dan garis panduan

Dalam tahun 2012, JMG telah terlibat dalam penyediaan menggubal peraturan baru, menyediakan draf garis panduan dan menyemak draf peraturan seperti berikut:

- menggubal satu peraturan baru, Peraturan Pembangunan Mineral (Pemprosesan Mineral)
- menyediakan dua draf garis panduan Pemantauan Habuk Terampai menggunakan alat 'High Volume Sampler (HVS)' dan Persampelan Habuk Termendap menggunakan alat 'Dustfall Deposition Gauge (DDG)'
- menyemak dua draf peraturan iaitu Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Efluen) dan Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan)

The department also provides technical and expert services in the fields of mining, quarrying and mineral processing. Expert services such as the formulation of guidelines and regulations pertaining to safety, rehabilitation of mining land and handling of explosive and toxic materials are carried out by the Mine and Quarry Services Section of the Technical Services Division. This includes organising training for staff in the department as well as for other government agencies. The section also acted as the secretariat for the department shotfirer examination. This involves the preparation and reviewing of examination papers and conducting practical tests at sites in collaboration with the JMG State Offices.

Legislation and guidelines

In the year 2012, JMG was involved in the drafting of amendments to laws and guidelines with regards to mining and quarrying as follows:

- drafting a new regulation, Mineral Development Regulations (Mineral Processing)
- drafting two guidelines on Suspended Dust Monitoring using 'High Volume Sampler (HVS)' and Sampling of Deposited Dust using 'Dustfall Deposition Gauge (DDG)'
- reviewing two draft regulations namely Mineral Development Regulations (Effluent) and Mineral Development Regulation (Blasting)

Urusetia peperiksaan pembedil jabatan

Tujuan peperiksaan pembedil jabatan adalah untuk menilai tahap kompetensi bakal pembedil di dalam industri perlombongan dan pengkuarian negara. Peperiksaan ini menguji aspek teori dan amali. Hanya mereka yang lulus kedua-dua peperiksaan teori dan amali sahaja diiktiraf telah mencapai tahap kompetensi minima sebagai pembedil dan melayakkannya menjalankan kerja-kerja peletupan di lombong dan kuari.

Peperiksaan teori pembedil telah dijalankan sebanyak 3 siri iaitu pada bulan April, Julai dan Oktober dan melibatkan seramai 138 orang calon. Bagi peperiksaan amali pula, Bahagian Perkhidmatan Teknikal dengan kerjasama pejabat JMG negeri telah mengendalikan 5 ujian amali bagi menilai 26 orang calon.

Secretariat for department shotfirer examination

The Department shotfirer examination was conducted to assess the competency of potential shotfirers in the mining and quarrying industry. Only those who pass both the theoretical and practical examinations are deemed to have achieved the minimal competency level to be a licensed shotfirer and qualified to do blasting works in mines and quarries.

Three series of shotfirer examinations (theory) were carried out in April, July and October and involved a total of 138 candidates. For the shotfirer practical exam, the Technical Services Division in collaboration with the state JMG offices conducted 5 practical tests to evaluate 26 candidates.

Peperiksaan Pembedil (Teori) Explosive Examination (Theory)

Peperiksaan Pembedil (Teori) Explosive Examination (Theory)	Pusat peperiksaan Examination centre	Bilangan calon Number of candidates	Lulus Passed
Session 1/2012 (5 April 2012)	7	43	32
Session 2/2012 (12 July 2012)	3	49	25
Session 3/2012 (11 October 2012)	8	46	29

Pengauditan kepatuhan

Dua pengauditan kepatuhan kepada penggunaan borang-borang pemeriksaan lombong dan kuari telah dijalankan di JMG Selangor dan JMG Negeri Sembilan dan Melaka. Pengauditan kepatuhan dijalankan adalah untuk menilai kesesuaian penggunaan borang-borang pemeriksaan lombong dan kuari. Borang pemeriksaan ini adalah untuk merekodkan tahap keselamatan serta pengawalan alam sekitar di lombong dan kuari.

Compliance auditing

Two compliance audits were done on the use of mine and quarry inspection form at JMG Selangor and JMG Negeri Sembilan and Melaka. Compliance auditing was done to assess the suitability of the usage of mine and quarry inspection forms. The forms are used as a means to record the occupational safety and health level as well as the environmental control in mines and quarries.

Latihan

JMG telah memberi latihan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai terutamanya dalam aspek pengawalseliaan dan penguatkuasaan lombong dan kuari. Dalam tahun 2012, empat kursus / bengkel telah dijalankan.

Kursus / Bengkel Course / Workshop	Tarikh & Tempat Date & Venue	Peserta Participants
Bengkel Perlaksanaan Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Buku Rekod dan Pelan) Implementation of Mineral Development Regulation (Mining Operational Scheme, Record Books and Plan)	16 -18 April 2012 Kuala Lipis, Pahang	21 orang Pegawai Galian dari pejabat JMG seluruh Malaysia. 21 Mine Officers from all JMG offices.
Kursus Penguatkuasaan/Pemantauan Mineral dan Bahan Batuan yang dieskpot Course on Enforcement/Monitoring of Mineral and Rock Material export	5-7 June 2012 Johor Bahru, Johor	28 orang Penolong Pegawai Galian, Pembantu Galian dan kakitangan JMG Johor yang terlibat dengan tugas pemeriksaan di CIQ. 28 Assistant Mine Officers, Mine Assistants and JMG Johor staff who involved in CIQ inspection.
Kursus Penutupan Lombong Mine Closure Course	3-6 September 2012 Lumut, Perak	23 orang Pegawai Galian dan Pegawai Penyelidik dari semua pejabat JMG. 23 Mine Officers and Research Officers from all JMG offices.
Kursus Persampelan Efluen Effluent Sampling Course	9-11 October 2012 Ipoh, Perak	29 orang Pembantu Galian dan Pembantu Penyelidik. 29 Mine Assistants and Research Assistants.

Pemantauan kualiti udara

Dalam tahun 2012, sebanyak 62 kerja pengukuran kualiti udara telah dijalankan. Kerja-kerja pemantauan habuk telah dilaksanakan di kuari-kuari, loji pemprosesan mineral, kawasan perumahan dan pelupusan sisa industri dan tapak binaan di sekitar negeri Perak. Jumlah kutipan hasil bagi kerja itu adalah sebanyak RM15,500. Kerja pemantauan ini dijalankan atas permintaan daripada pihak industri dan juga konsultan alam sekitar sebagai memenuhi syarat kelulusan EIA.

Di samping kerja-kerja pemantauan kualiti udara, enam analisis ke atas sampel air yang mengandungi habuk telah dijalankan bagi pihak jurutera perunding. Sampel habuk ini diperolehi melalui kaedah Dustfall Deposition Gauge yang dikendalikan oleh pihak jurutera perunding itu sendiri ke atas kilang Pahang Cement di Kuantan, Pahang dan juga kuari Imerys Minerals (M) Sdn Bhd, Ipoh. Nilai kutipan hasil yang telah diperolehi bagi khidmat analisis yang telah dijalankan ialah sebanyak RM480.

Trainings

JMG also provides training to increase knowledge and expertise of officers, especially in the monitoring and enforcement activities. In the year 2012, four courses/workshops were conducted.

Air quality monitoring

In the year 2012, 62 air quality measurements were carried out. These dust monitoring works were carried out in quarries, mineral processing plants, housing and industrial waste disposal areas and construction sites. The total revenue collected for these works were RM15,500. The monitoring works were conducted upon request by the industry and environmental consultants in order for them to fulfil the approval conditions of EIA.

In addition to the work of the air quality monitoring, six analyses on water samples containing the dust from engineering consultants were also conducted. The Deposition Dustfall Gauge samples were collected by the consultants from Pahang Cement plant in Kuantan, Pahang and Imerys Minerals (M) Sdn Bhd Quarry, in Ipoh, Perak. The total revenue collected for these analysis works was RM480.

Hasil Kerja Work Output

Jenis pemantauan Type of monitoring	Bilangan kerja / Work quantity				Nilai kerja Work value * (RM)
	Agensi kerajaan Government agencies		Sektor swasta * Private sector		
	JMG	Luar Jabatan Other Department	Lombong & Kuari Mine & Quarry	Perumahan Housing	
Habuk / Dust	-	-	-	-	-
i. HVS	-	-	32	24	15,500
ii. DDG (analisis)	-	-	3	-	480
Gegaran / Shake	-	-	-	-	-
Ledakan Udara / Air Blast	-	-	-	-	-
Bunyi / Noise	-	-	-	-	-
Jumlah / Total	-	-	35	24	15,980

Kawalseliaan dan Penguatkuasaan Monitoring and Enforcement

Industri perlombongan dan pengkuarian terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam tahun 2012. Terdapat sebanyak 178 buah lombong, 312 kuari serta 120 peniaga bijih dan loji pemprosesan mineral beroperasi pada akhir tahun 2012.

Antara fungsi jabatan adalah untuk menentukan aktiviti perlombongan mineral dan aktiviti berkaitan dijalankan secara selamat, efisien dan memenuhi standard alam sekitar dan amalan kejuruteraan terbaik. Ini termasuk membuat pemeriksaan ke atas operasi perlombongan dan pengkuarian, pengeluaran kelulusan operasi dan lesen di samping memberi perkhidmatan khidmat nasihat serta kepakaran.

Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong dan Kuari

Tugas penguatkuasaan undang-undang dan kawalseliaan operasi perlombongan, pengkuarian dan pemprosesan mineral melibatkan pemeriksaan di lapangan. Ia bertujuan memastikan pematuhan syarat-syarat lesen atau kelulusan berkaitan keselamatan dan penjagaan alam sekitar. Pemeriksaan ini juga adalah sebahagian daripada proses penyediaan laporan untuk permohonan-permohonan tenemen mineral, kerja peletupan dan sebagainya seperti aduan atau kejadian kemalangan di lombong dan kuari.

The mining and quarrying industry continue to show a vibrant performance during the year 2012. There were a total of 178 mines, 312 quarries as well as 120 ore dealers and mineral processing plant operating at the end of 2012.

Among the functions of the department is to ensure that mining of minerals and related activities are carried out safely, efficiently and conforming to the environmental standards and best engineering practices. This includes inspection of mine and quarry operations, issuance of operational approvals and licences as well as providing advisory and expert services.

Technical Inspections of Mine and Quarry Operations

Technical inspection of mining, quarrying and mineral processing operations is to ensure compliance of the conditions stipulated in the licences or approvals with regard to the safety and the protection of the environment. The field inspection or investigation is also a prerequisite for the preparation of report pertaining to the application for mineral tenements, blasting works approval, complaints and mine or quarry accidents.

Dalam tahun 2012, sejumlah 2,882 pemeriksaan teknikal telah dilaksanakan meliputi sebanyak 1,325 pemeriksaan ke atas operasi perlombongan, 1,202 pemeriksaan ke kuari, 172 pemeriksaan ke kilang amang (hasil samping perlombongan bijih timah) dan loji pemrosesan mineral, dan 183 pemeriksaan ke atas urusan pemegang lesen bijih mineral dan emas mentah.

Tambahan kepada pengawalseliaan ke atas kerja peletupan yang dijalankan di lombong dan kuari, pihak JMG juga dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menilai serta memantau kerja-kerja peletupan yang dijalankan dalam kawasan pembangunan. Sebanyak 255 kerja peletupan projek pembangunan telah diperiksa dan dinilai sepanjang tahun. Kebanyakan pemeriksaan teknikal tapak peletupan selain kuari ini adalah di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Perak.

Pemantauan dan Kawalseliaan Aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian

Tugas pemantauan dan pengawalseliaan yang dijalankan ke atas aktiviti perlombongan dan pengkuarian adalah untuk memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dijalankan secara teratur dan sistematik, mengikut amalan kejuruteraan terbaik dan mematuhi peruntukan perundangan. Aspek keselamatan operasi perlombongan adalah tertakluk di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen atau Ordinan Perlombongan Negeri manakala bagi operasi pengkuarian pula adalah tertakluk kepada Peraturan Kuari Negeri.

Operasi perlombongan dan pengkuarian pada lazimnya akan memberi kesan kepada alam sekitar. Oleh itu, adalah penting operasi tersebut melaksanakan langkah secukupnya untuk menangani kemungkinan pencemaran terhadap air dan udara serta kesan gegaran bumi dan kebingitan bunyi akibat kerja peletupan. Justeru itu bagi memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuariaan dijalankan dengan baik, kerja pemantauan berkala telah dilakukan. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 50 persampelan efluen lombong dan 399 kerja pemantauan gegaran dan peletupan telah dijalankan.

In 2012, a total of 2,882 technical inspections were carried out which cover 1,325 inspections on mining operations, 1,202 on quarries, 172 inspections on amang (tin mining by-product) and mineral processing plant operations and 183 on mineral ores and raw gold licence holders.

In addition to the supervision of the blasting works carried out in mines and quarries, the state JMG offices were also referred to by the Local Authorities to assist in the evaluation and monitoring of blasting activities in development areas. A total of 255 development project blasting works were assessed and evaluated during the year. Most of the blasting sites inspected were in Selangor, Pulau Pinang, Sabah and Perak.

Monitoring and Supervision of Mine and Quarry Activities

The task of monitoring and supervising mine and quarry activities is to ensure that these activities are carried out in an orderly and systematic manner in accordance to best engineering practices and in compliance with the provisions of the laws and regulations. Safety aspects of mining operations come under the purview of the Mineral Development Act 1994 and State Mining Enactments or Ordinances while quarry operations come under State Quarry Rules.

Mine and quarry operations usually will have an impact on the environment. Therefore it is important for such operations to implement adequate measures to mitigate potential water and air pollution as well as the impact of ground vibration and air blast (noise) due to blasting. Thus, to ensure that mine and quarry activities are carried out properly, periodic monitorings were conducted. A total of 50 mine effluent samplings and 399 vibration and blast monitorings were conducted during 2012.

Pihak jabatan amat mengambil perhatian terhadap aduan pihak awam berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Semua aduan yang diterima akan disiasat dan diberikan perhatian sewajarnya dengan segera. Sejumlah 69 aduan telah diterima dan disiasat manakala sebanyak 43 perintah dan arahan telah dikeluarkan kepada pengusaha.

Pelesenan

Di bawah Akta Pembangunan Mineral (APM) 1994, pemegang pajakan melombong hendaklah mengemukakan dan mendapatkan kelulusan bagi suatu skim pengendalian melombong daripada Pengarah Galian sebelum sebarang operasi pembangunan dan perlombongan dilaksanakan. Dalam tahun 2012, pihak jabatan telah meluluskan sejumlah 175 Skim Pengendalian Melombong di bawah APM dan 154 Surat Kebenaran Pengkuarian di bawah Peraturan Kuari Negeri. Negeri yang telah menguatkuasakan Peraturan Kuari ialah Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Lesen Bijih Mineral dan Lesen Pembeli Emas yang dikeluarkan di bawah Enakmen Bijih Mineral dan Enakmen Pembeli Emas Mentah membenarkan pemegangnya untuk membeli, menjual, menyimpan dan memproses bijih mineral dan emas mentah masing-masingnya. Lesen ini dikeluarkan secara tahunan dan luput pada akhir tahun kalendar. Sebanyak 251 Lesen Bijih Mineral, 7 Lesen Pembeli Emas telah dikeluarkan sepanjang 2012. Selain itu pihak jabatan juga telah mengeluarkan sebanyak 171 Permit Mengangkut Bijih Padat Timah bagi tujuan mengangkut konsentrat timah dari lombong, kedai pembeli bijih atau loji pemrosesan amang ke kilang pelebur timah, Malaysia Smelting Corporation, di Pulau Pinang.

Seperti diperuntukkan dalam Peraturan Kuari, pemegang permit / lesen kuari hendaklah melantik seorang pengurus kuari berkelayakan dan pembedil kompeten untuk bertanggungjawab ke atas operasi dan kerja peletupan di kuari. Seseorang yang dilantik sebagai pengurus perlu lulus ujian Pengurus Kuari yang dijalankan oleh jabatan. Dalam tahun 2012, sebanyak 7 ujian Pengurus Kuari telah dilaksanakan.

Public complaints on mine and quarry operations are of concern to the department. All complaints received would be investigated and appropriate actions would be taken promptly. A total of 69 complaints were received and investigated while a total of 43 orders and directives were issued to the operators.

Licensing

Under the Mineral Development Act (MDA) 1994, a mining lease holder need to submit and obtain approval from the Director of Mines for an operational mining scheme before any development and mining operation commences. For the year 2012, the department approved a total of 175 operational mining schemes under the MDA and 154 Letters of Authority to Quarry under the state Quarry Rules. The states enforcing the Quarry Rules are Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu and Negeri Sembilan.

The Mineral Ores and Gold Buyers Licences issued under the Mineral Ores Enactment and Gold Buyers Enactment authorise licence holders to buy, sell, store and treat mineral ores and raw gold respectively. These licences are issued annually and they expire at the end of each calendar year. A total of 251 Mineral Ores Licences, 7 Raw Gold Buyers Licences were issued during 2012. Apart from that the department also issued a total of 171 Tin Ore Concentrate Transport Permits for the purpose of transporting tin concentrates from the mines, tin ore dealers or amang processing plants to the tin smelter, Malaysia Smelting Corporation, in Pulau Pinang.

As stipulated in the Quarry Rules, a quarry permit / licence holder shall need to appoint a qualified quarry manager and competent shotfirer to be responsible for the operation and blasting work in a quarry. The person appointed as a manager needs to pass the Quarry Manager test conducted by the department. In 2012, a total of 7 Quarry Manager Tests were conducted.

Adalah menjadi objektif jabatan untuk memastikan semua kerja peletupan di lombong, kuari dan juga projek pembangunan di bawah kawal seliaan jabatan dijalankan dengan selamat. Justeru, untuk mencapai hasrat itu pihak jabatan juga menjalankan Ujian Pembedil Amali kepada calon yang telah lulus Peperiksaan Pembedil Teori. Hanya calon yang lulus kedua-dua ujian akan dikeluarkan Sijil Pembedil sebagai pembedil berkelayakan dan dibenarkan menjalankan kerja peletupan. Dalam tahun 2012, pihak jabatan telah menjalankan sebanyak 20 Ujian Amali Pembedil dan mengeluarkan sejumlah 12 Sijil Pembedil baru dan 67 pembaharuan sijil kepada pemohon yang layak. Sehingga akhir tahun 2012, terdapat sejumlah 503 pemegang Sijil Pembedil di seluruh negara.

Daripada rekod jabatan, pengeluaran mineral tempatan telah menunjukkan peningkatan sejak lima tahun yang lalu. Sebahagian mineral yang dihasilkan ini dieksport ke luar negara. Bagi tujuan mengeksport bahan mineral dan batuan, pengeksport memerlukan permit eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Setiap permohonan permit eksport hendaklah disertai surat penilaian teknikal yang disediakan oleh JMG. Sebanyak 818 dan 1115 surat penilaian teknikal untuk eksport mineral dan bahan batuan masing-masingnya telah disediakan dalam tahun ditinjau.



Kursus pembedil anjuran bersama Institut Kuari Malaysia (IQM), Persatuan Kuari Sarawak (SQA) dan JMG Malaysia di Kuching, Sarawak.

The shotfirer course jointly-organised by the Institute of Quarrying Malaysia (IQM,) Sarawak Quarry Association (SQA) and JMG Malaysia in Kuching, Sarawak.

It is the objective of the department to ensure that all blasting works in mines, quarries and other development projects under the supervision of the department are carried out in a safe manner. Thus, to achieve that the department also conducted Shotfirer Practical Tests for candidates who had passed their Shotfirer Theory Examination. Only candidates who have passed both tests will be issued Shotfirer Certificates as qualified shotfirers and allowed to carry out blasting work. During the year 2012, the department conducted 20 Shotfirer Practical Tests and issued a total of 12 new Shotfirer Certificates and 67 renewed certificates to qualified applicants. As of the end of 2012, there were a total of 503 shotfirer certificate holders in the country.

The department's record indicates an increase in the local mineral production over the past five years. Some of the minerals produced were exported. For the purpose of exporting minerals and rock material, an exporter needs to have an export permit issued by the Ministry of Natural Resource and Environment (NRE). Every application has to be accompanied by a technical assessment report prepared by JMG. During the year, a total of 818 and 1115 technical assessment reports were prepared for the export of minerals and rock material respectively.



Peperiksaan amali pembedil di Pagoh Quarry, Pagoh, Johor.
Shotfirer practical examination at Pagoh Quarry, Pagoh, Johor.

Khidmat Nasihat Lombong dan Kuari *Mine and Quarry Advisory Services*

Disamping menjalankan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas operasi perlombongan dan pengkuarian, JMG juga berperanan memberi khidmat nasihat dan kepakaran kepada pihak Berkuasa Negeri, agensi kerajaan serta pihak swasta berkaitan dengan pembangunan industri mineral. Khidmat yang diberikan merangkumi penyediaan laporan bagi permohonan tenemen mineral, permohonan tapak kuari dan memberi ulasan kepada laporan kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 1,388 permohonan baru dan pembaharuan untuk Lesen Carigali / Lesen Penjelajahan dan Pajakan Melombong, 51 permohonan untuk tapak kuari, 29 ulasan (EIA) dan 168 laporan teknikal lain kepada pelbagai agensi disediakan. Sejumlah 560 laporan pembebasan mineral telah disediakan bertujuan membantu pihak berkuasa membuat keputusan perancangan yang lebih baik untuk mengelakkan pemajiran enapan mineral. Di samping itu pihak jabatan juga menerima sebanyak 1,586 pertanyaan berkaitan aktiviti perlombongan dan pengkuarian.

Apart from overseeing and monitoring mine and quarry operations, JMG also provides advisory and expert services to State Authorities, government agencies and the private sector related to development of the mineral industry. Services provided include preparation of reports for mineral tenement application, application for quarry sites and providing comments and inputs for Environmental Impact Assessment (EIA) reports.

During the year 2012, a total of 1,388 new and renewal applications for Prospecting / Exploration Licences and Mining Leases, 51 quarry land applications, 29 EIA reports and 168 other technical reports for various agencies were processed. A total of 560 mineral clearance reports were prepared to assist the relevant authority make better planning decision and avoid sterilization of mineral deposits. Apart from that the department also received a total of 1,586 enquiries on mine and quarry activities.

Aktiviti-aktiviti lain

Sesi dialog, seminar dan pameran merupakan wadah jabatan bagi meningkatkan kesedaran pihak awam terhadap industri mineral serta juga untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian. Sejumlah 23 sesi perjumpaan dan penerangan sedemikian telah diadakan di negeri-negeri sepanjang tahun 2012.

JMG telah menganjurkan dialog bersama pengusaha kuari negeri Perak pada 4hb Disember 2012. Objektif utama dialog itu adalah untuk memaklumkan pihak industri mengenai dasar-dasar kerajaan negeri terkini yang berkaitan aktiviti pengkuarian. Seramai 76 peserta dari syarikat kuari dan 16 peserta dari syarikat jurutera perunding telah hadir.



Tapak pemrosesan bijih besi Lombong Yayasan Melaka.
Iron ore processing plant of the Yayasan Melaka Mine.

Other Activities

The department conducted dialogues, seminars and exhibitions to increase public awareness on the mineral industry as well as, to solve issues and problems faced by the public pertaining to mining and quarrying activities. A total of 23 engagements and education sessions were held in the states during 2012.

JMG conducted a dialogue with quarry operators in Perak on 4th December 2012. The main objective of the dialogue was to inform the operators on the latest state government policy pertaining to the quarry industry. A total of 76 participants from quarry companies and 16 from consultant companies attended the dialogue session.



Photo: Hamlee Ismail
Bekas lombong emas Lubuk Mandi, Marang, Terengganu.
Lubuk Mandi ex-gold mine, Marang, Terengganu.

SENARAI AKTIVITI PEMBANGUNAN LOMBONG & KUARI DALAM TAHUN 2012
LIST OF MINE & QUARRY DEVELOPMENT ACTIVITIES IN 2012

	Johor	Melaka	Negeri Sembilan	Selangor	Perak	Kedah	Perlis	Pulau Pinang	Kelantan	Terengganu	Pahang	Sarawak	Sabah	JUMLAH
PEMERIKSAAN TEKNIKAL OPERASI LOMBONG DAN KUARI / TECHNICAL INSPECTION OF MINE & QUARRY OPERATIONS														
Pemeriksaan Teknikal Operasi Lombong <i>Mine Operation Technical Inspection</i>	181	3	6	0	141	28	-	-	197	70	674	25	0	1325
Pemeriksaan Teknikal Operasi Kuari <i>Quarry Operation Technical Inspection</i>	205	4	50	105	356	40	9	135	45	28	200	5	20	1202
Pemeriksaan Teknikal Operasi Kilang Amang / Loji Pemrosesan Mineral / Amang Plant / Mineral Processing Plant Operations Technical Inspection	15	1	1	7	96	4	-	4	0	-	40	4	0	172
Pemeriksaan Teknikal Tapak Peletupan (selain Kuari) <i>Technical Inspection of Blasting Sites (other than quarries)</i>	4	-	-	96	22	9	-	85	0	-	0	1	38	255
Pemeriksaan Teknikal Kawasan Carigali <i>Technical Inspection of Exploration Areas</i>	1	-	2	0	24	-	-	-	10	-	1	0	0	38
Pemeriksaan buku urusiaga mineral (termasuk kedai bijih / kedai emas) / Account books inspection on mineral dealings (including tin ore dealer / gold dealer)	50	-	-	33	49	4	-	6	3	-	38	0	0	183
PEMANTUAN DAN KAWALSELIA AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN / MONITORING OF MINE & QUARRY ACTIVITIES														
Persampelan efluen lombong / Mine effluent sampling	3	1	-	0	2	-	-	-	0	-	28	4	12	50
Siasatan aduan / Complaint investigation	9	-	2	0	9	5	-	7	10	3	16	6	2	69
Perintah dan arahan / Orders and instructions	3	-	-	0	21	-	-	2	2	-	11	4	0	43
Kompaun / Compounds	0	-	-	0	0	-	-	-	0	-	0	0	0	0
Laporan kemalangan lombong dan kuari <i>Mining and quarrying accident reports</i>	0	-	-	0	3	-	-	-	0	-	0	3	0	6
Kerja ukur tanah sempadan dan cerun <i>Survey works on land boundary and slope</i>	0	-	-	0	0	12	-	248	0	3	20	0	0	283
Kerja ukur gegaran dan pemantauan peletupan <i>Vibration and blast monitoring</i>	11	9	5	199	141	-	-	-	2	-	20	0	12	399

PERLESENAN / LICENSING														
Skim Pengendalian Melombong Operational Mining Scheme	18	2	9	1	14	7	-	-	22	15	75	13	0	175
Surat Kebenaran Pengkuarian Letter of Authority to Quarry	0	-	14	16	69	-	-	-	10	14	31	0	0	154
Lesen Bawah Tanah / Underground Licence	0	-	-	0	0	-	-	-	0	-	0	1	0	1
Lesen Air Tahunan / Negeri / Permit Air Annual / State Water Licence / Water Permit	0	-	-	0	0	-	-	-	0	1	8	0	0	9
Lesen Membeli Emas Mentah Gold Buyers Licence	0	-	-	0	0	-	-	1	1	-	5	0	0	7
Lesen Bijih Mineral / Mineral Ores Licence	50	2	3	33	60	13	-	9	0	-	81	0	0	251
Permit Mengangkut Bijih Padat Timah / Emas Mentah Tin Ore Concentrate / Raw Gold Transport Permit	14	-	-	15	113	7	-	-	0	2	20	0	0	171
Laporan Penilaian Teknikal Eksport Mineral Technical Assessment Report for Mineral Export	382	-	16	5	121	6	-	23	62	-	116	87	0	818
Laporan Teknikal Perakuan Eksport Bahan Batuan Technical Assessment Report for Rock Material Export	426	-	-	0	208	384	-	1	1	28	1	12	54	1115
Permit Letupan / Blasting Permit	4	-	-	22	0	12	3	15	0	4	3	0	0	63
Laporan Perakuan Magazin Letupan Report for Explosives Magazine Approval	0	-	2	0	0	-	-	1	0	-	0	1	0	4
Pengeluaran / Pembaharuan Sijil Pembedit Issuance / Renewal of Shot Firer Certificate	19	-	6	0	5	7	2	6	5	2	0	1	8	61
Lencongan Sungai / River Diversion	0	-	-	0	0	-	-	-	0	3	2	0	0	5
Ujian Pengurus Lombong / Kuari Test for Mine / Quarry Managers	0	-	-	0	6	-	-	-	1	-	0	0	0	7
Ujian Amali Pembedit / Shot Firer Practical Test	8	-	-	0	3	-	-	-	0	-	2	0	7	20
KHIDMAT NASIHAT / ADVISORY SERVICES														
Ulasan Laporan EIA / EIA Report Review	6	1	4	0	4	1	-	6	2	-	4	1	0	29
Laporan Permohonan Lesen Carigali / Pajak Prospecting and Mining Lease Application Report	7	-	11	0	17	24	-	-	229	-	1094	6	0	1388
Laporan Permohonan Tanah Kuari Quarry Land Application Report	5	-	3	0	16	3	-	-	0	21	1	2	0	51
Laporan Pembebasan Mineral Mineral Clearance Report	8	-	-	0	289	52	8	3	1	12	185	2	0	560
Lain-lain Laporan Teknikal Untuk Agensi Lain Miscellaneous Technical Report for other agencies	1	-	2	0	0	-	-	1	13	21	4	9	117	168
Pertanyaan Mengenai Maklumat Lombong / Kuari Enquires on Mine / Quarry Information	156	-	9	0	1	22	4	11	179	22	1117	31	34	1586
LAIN-LAIN / OTHERS														
Seminar / Dialog / Pameran Seminar / Dialogue / Exhibition	5	-	-	0	1	-	-	1	0	7	1	6	2	23

Penyelidikan & Pembangunan Research & Development

Teknologi Berasaskan Lempung Clay-based Technology	101
Teknologi Berasaskan Silika Silica-based Technology	102
Teknologi Berasaskan Batuan Rock-based Technology	104
Teknologi Bahan Termaju Advanced Material Technology	106
Teknologi Pemprosesan Mineral Mineral Processing Technology	107
Teknologi Perlombongan dan Pengkuarian Mining and Quarrying Technology	109
Teknologi Pemulihan Lombong dan Kuari Mine and Quarry Rehabilitation Technology	112

Penyelidikan & Pembangunan Research & Development

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dilaksanakan di Pusat Penyelidikan Mineral (PPM).

Objektif R&D adalah

- Untuk menggalak dan mempelbagai penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor perindustrian negara melalui R&D
- Untuk menggalak pengusahahasilan sumber mineral secara mampan melalui R&D

PPM berfungsi untuk

- Menjalankan R&D berasaskan mineral tempatan supaya dapat menghasilkan bahan mula dan bahan tambah nilai untuk digunakan oleh industri
- Membangun teknologi pemprosesan mineral dan kitar semula yang bersesuaian
- Menjalankan penyelidikan bersama Institusi Pengajian Tinggi, agensi R&D yang lain serta pihak industri dalam bidang mineral
- Mengkomersil hasil R&D yang signifikan melalui pemindahan teknologi kepada pihak yang berminat
- Berperanan sebagai penasihat dan pusat rujukan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan mineral tempatan
- Menjalankan R&D berkaitan pengusahahasilan mineral, impak alam sekitar dan pemulihan serta menyediakan perkhidmatan sokongan kepada jabatan dalam menangani masalah yang berkaitan

Selaras dengan kehendak kerajaan bagi memajukan teknologi berasaskan mineral, JMG menjalankan projek-projek R&D berkaitan teknologi berasaskan lempung, silika, batuan dan bahan termaju. Untuk menggalak pengusahahasilan sumber mineral secara mampan, R&D berkaitan teknologi pemprosesan mineral, perlombongan, pengkuarian dan pemulihan lombong dan kuari dijalankan.

The research and development (R&D) activities of Minerals and Geoscience Department (JMG) are conducted in Mineral Research Centre (PPM).

The objectives of R&D are

- To encourage and diversify use of local mineral resources so as to contribute towards the development of the country's industrial sector through R&D
- To encourage the development of mineral resources in a sustainable manner through R&D

The functions of PPM are

- To carry out R&D on local minerals in order to produce starting and value added materials for industrial use
- To develop suitable mineral processing and recycling technologies
- To carry out collaborative research with institutes of higher learning, other R&D agencies and industries in the field of minerals
- To commercialise significant R&D results through technology transfer to interested parties
- To assume advisory role and act as a reference centre in areas related to research in local minerals
- To undertake R&D in mineral extraction, environmental impact and rehabilitation as well as providing support services to the department in overcoming related problems

In line with the government's aspiration to develop the mineral based industry, JMG carried out projects related to clay-based, silica-based, rock-based and advanced material technology. To encourage the development of mineral resources in a sustainable manner, R&D on mineral processing, mining, quarrying and rehabilitation technology were carried out.

Teknologi Berasaskan Lempung

Clay-based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	R&D penghasilan bebola seramik untuk bahan sokongan pemangkin dalam industri petro-kimia mengguna lempung tempatan dan bahan seramik lain. R&D on the development of ceramic balls as catalyst support materials in the petrochemical industries using local clay and other ceramic raw materials.	Sebanyak 13 formulasi jasad bebola seramik telah dihasilkan. Dua formulasi jasad telah digunakan dalam kerja-kerja pra-pengkomersilan di kilang di Pahang. Sebanyak 200 kg jasad bebola seramik yang telah diproses telah diujguna dalam penghasilan bebola seramik. Maklumbalas dari pihak kilang adalah positif. A total of 13 formulations of ceramic ball bodies have been developed. Two of the formulations had been used in pre-commercialization testing at a factory in Pahang. About 200 kg ceramic ball body formulation was prepared for the testing. A positive feedback was received from the factory.
2	R&D penghasilan jasad tembikar putih (tembikar tanah dan tembikar batu) menggunakan lempung tempatan – Usahasama JMG(PPM) dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perak. R&D on the development of whiteware bodies (earthenware and stoneware) using local clay and other ceramic raw materials resources – R&D collaboration project between JMG(PPM) and Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perak.	Lapan formulasi jasad tembikar telah dihasilkan. Empat formulasi jasad (2 tembikar tanah & 2 tembikar batu) telah diujguna oleh pihak Kraftangan Perak dan diterima sebagai produk baru kraftangan. Eight formulations of whiteware bodies have been developed. Four of the formulations have been tested by Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perak and accepted as new potential products for commercialisation.



Photo: Loo Quek Hong

1. Penghasilan bebola seramik di kilang menggunakan jasad yang dibangunkan oleh JMG.
Production of ceramic balls in the factory using bodies developed by JMG.
2. Pelbagai saiz bebola seramik yang dihasilkan di makmal.
Ceramic balls of various sizes produced in the laboratory



Photo:
Loo Quek Hong

Produk tembikar ujian menggunakan licau oleh rakan industri.
Ceramic test products using glazes by the industrial partner.



Kertas Teknikal Technical Papers

1. Kori Mohammad, 2012. Pencirian dan tambahnilai bahan lempung, Bengkel Penyelidikan Produk Berasaskan Lempung, PPM, 12 Sept 2012.
2. Abdul Rois & Hamdan Yahya, 2012. Teknologi penghasilan tembikar putih, Bengkel Penyelidikan Produk Berasaskan Lempung, PPM, 12 Sept 2012.
3. Hamdan Yahya, Abdul Rois & Kori Mohammad, 2012. The study of ball clays from three locations in Perak as component materials for the development of high-end ceramic bodies, Persidangan Tahunan JMG 2012, Hotel Pullman, Kuching 19-22 Jun 2012.

Teknologi Berasaskan Silika Silica-based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	R&D penyediaan dan pencirian jubin kaca seramik tersinter dari kaca kitar semula R&D on the preparation and characterisation of sintered glass-ceramic tiles from recycled sheet glass	Jubin kaca seramik tersinter yang dihasilkan telah menunjukkan kualiti yang setanding dengan spesifikasi standard ISO 13006 untuk jubin seramik. Oleh kerana kos pembuatan dan pengeluaran yang rendah, kaca-seramik yang dihasilkan ini dapat digunakan dalam industri pembinaan terutamanya sebagai jubin lantai dan dinding. The sintered glass ceramic tiles produced showed quality comparable to the specifications of ISO 13006 standard for ceramic tiles. Due to low manufacturing and production cost, the glass ceramic produced can be used in the construction industry, particularly as floor and wall tiles.
2	R&D penghasilan kaca lembut daripada pasir silika tempatan R&D on the production of soft glass from local silica sand	Kaca lembut termasuk di dalam kumpulan kaca soda-kapur-silika (SLS) yang terkenal dalam industri penghasilan kaca kraf yang menggunakan teknik 'lamp working'. Ia dihasilkan dengan meleburkan kaca pasir silika dan bahan-bahan kimia tertentu. Rod kaca yang dihasilkan ini berpotensi untuk dibuat beberapa produk dengan kawalan suhu <i>torch</i> yang bersesuaian oleh pembuat kaca yang berpengalaman. Soft glass is one of the soda-lime-silicate (SLS) glass which is well-known in the craftware industry using lamp working technique. It is produced by melting local silica sand and certain chemicals. The glass rod has the potential to be made into a number of products with appropriate temperature control torch by experienced glass maker.

Kertas Teknikal

Technical Papers

1. Marlinda Daud & Mahadi Abu Hassan, 2012. Preparation of soft glass using local silica sand as starting material for craftware: A preliminary study. Persidangan Tahunan JMG 2012, Hotel Pullman, Kuching 19 -22 Jun 2012.
2. Mohd Idham Mustaffar & Mohamad Haniza Mahmud, 2012. Preparation and characterisation of sintered glass-ceramic tiles from recycled sheet glass International Conference Solid State Science and Technology, Holiday Inn Melaka, 18 – 20 December 2012.
3. Marlinda Daud & Mahadi Abu Hassan, 2012. Preparation and characterization of soft glass using Sarawak silica sand as starting material for craftware. International Conference Solid State Science and Technology, Holiday Inn Melaka, 18 – 20 December 2012.




Photo: Mohd Razli

1. Pembentukan sampel ujian dengan menggunakan alat penekan hidraulik.
Formation of test samples using hydraulic press.
2. Sampel ujian dimasukkan kedalam ketuhar untuk proses persinteran.
Test samples loaded into the furnace for sintering process.
3. Jubin kaca seramik yang terhasil selepas proses pensinteran.
Glass-ceramic tiles produced after sintering process.
4. Rod kaca lembut yang dihasilkan oleh JMG.
Soft glass rod produced by JMG.
5. Rod kaca lembut sedang diuji menggunakan torch di syarikat kaca.
Testing of soft glass rods using a torch at a glass company.

Teknologi Berasaskan Batuan Rock-based Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	R&D penghasilan kalsium karbonat termendak (PCC) berstruktur terkawal daripada bahan mula bergred rendah pada skala yang dipertingkatkan The production of controlled structures of precipitated calcium carbonate (PCC) from low grade starting material at a larger scale	PCC berstruktur terkawal dapat dihasilkan secara larutan berionik pada skala yang dipertingkatkan. Kajian telah dijalankan menggunakan bahan buangan industri, iaitu kapur karbida sebagai bahan mula. Kajian ini mendapati kadar adukan yang rendah perlu digunakan untuk menghasilkan PCC berbentuk bijian. Reaktor prototaip untuk menghasilkan PCC telah difailkan untuk paten. PCC with controlled shape was synthesised at a larger scale by ionic solution. Waste material from industry namely carbide lime was used as the starting material. The study showed that low stirring rate must be used to obtain grain-shape PCC. The prototype reactor for producing PCC has been filed for patent.
2	Kajian penyediaan kertas menggunakan kalsium karbonat termendak (PCC) dari JMG dan sumber komersil dengan bantuan polietiliminamina (PEI) dan poliakrilamida (PAM) Study on the preparation of paper using PCC from JMG and commercial sources with the aid of polyethyleneimine (PEI) and polyacrylamide (PAM)	Sifat kertas daripada pengisi PCC JMG adalah baik dan sama taraf dengan kertas yang dihasilkan dari bahan pengisi komersial. The properties of the paper prepared using PCC from JMG are good and comparable with the paper that was prepared from commercial filler.
3	Perkhidmatan ujian batu dimensi Dimension stone testing services	Sejumlah 150 sampel dari pihak swasta telah diuji. A total of 150 samples from private sector were tested.



Photo: Rahman Aziz

1. Larutan ionik bersukrosa yang dikumpulkan dari penuras tekanan.
Ionic sucrose solution collected from pressure filter.
2. Tangki pengkarbonatan bagi pensintesis PCC dari 400-500 liter larutan ionik bersukrosa.
Carbonation tank used to synthesise PCC from 400-500 litre ionic sucrose solution.



Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi ujian batu dimensi

Makmal Seksyen Teknologi Berasaskan Batuan, Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) telah dianugerahkan sijil MS ISO 9001:2008 untuk perkhidmatan ujian batu dimensi. MS ISO 9001:2008 adalah satu set piawaian dan keperluan dalam pembangunan sistem pengurusan kualiti untuk memastikan kehendak dan keperluan pelanggan sentiasa dipenuhi. Pemiawaian ini juga membantu PPM membangunkan satu mekanisma untuk membuat penambahbaikan berterusan dalam memberikan perkhidmatan.

Kertas Teknikal Technical Papers

1. Rohaya Othman, Nasharuddin Isa & Abd. Rahman Abd. Aziz, 2012. Mechanical and physical properties of paper produced by using PCC from low grade limestone. *Konferen JMG 2012*, Kuching, Sarawak. 20-21 Jun 2012.
2. Rohaya Othman, Nasharuddin Isa & Abd Rahman Abd Aziz, 2012. The effect of pulp beating on the properties of PCC loaded paper as a function of polyethylenimine (PEI). *Malaysian Science and Technology Congress 2012 (MSTC2012)*. Kuala Lumpur, 19-21 November 2012.
3. Rohaya Othman, Nasharuddin B. Isa & Abd. Rahman B. Abd. Aziz, 2012. The effect of laboratory precipitated calcium carbonate (PCC) by sucrose solution method on the paper properties. *International Symposium On Resource Efficiency In Pulp And Paper Technology 2012 (REPTECH2012)*, Bandung, Indonesia. 20-22 November 2012.
4. Rohaya Othman, Abd Rahman Abd Aziz & Nasharuddin Isa, 2012. Properties of PCC loaded paper as a function of polyacrylamide (PAM) and the effects of pulp beating. *Regional Annual Fundamental Science Symposium 2012 (RAFSS2012)*, Johor Bahru, Johor. 11-13 Disember 2012.

Management Quality System of MS ISO 9001:2008 for dimension stone tests

The Rock-based Technology Section, Mineral Research Centre (PPM) was awarded MS ISO 9001:2008 certification for the testing of dimension stones. MS ISO 9001:2008 is a set of standards and requirement for the development of a quality management system to ensure the expectations of customers are met. The standardisation also enables PPM to develop mechanisms for continual improvement of services.




Photo: Azlin Zahara

1. Contoh mikrograf SEM bahagian permukaan kertas (A) dan keratan rentas (B) bagi kertas yang dihasilkan dengan pemukulan 4000 putaran dan dirawat dengan PEI. Typical SEM micrograph of the paper surface (A) and cross-sectional area (B) after 4000 beating and treated with PEI.
2. Contoh mikrograf SEM bahagian permukaan kertas (A) dan keratan rentas kertas (B) yang dihasilkan dengan pemukulan 8000 putaran dan dirawat dengan PEI. Typical SEM micrograph of the paper surface (A) and cross-sectional area (B) after 8000 beating and treatment with PEI.

Teknologi Bahan Ter maju

Advanced Material Technology

Bil. No.	Aktiviti / Projek R&D R&D Activity / Project	Hasil / Penemuan / Catatan Output / Finding / Remarks
1	Penghasilan biokomposit diopsid-wolastonit menggunakan mineral tempatan untuk aplikasi perubatan dan pergigian. Production of biocomposite diopsid-wollastonite using local mineral for medical and dental applications.	Diopsid dan wolastonit sintetik dihasilkan menggunakan kaedah pembakaran pasir silika, batu kapur dan dolomit tempatan dan biokomposit diopsid-wolastonit dapat dihasilkan melalui pensinteran bahan sintetik ini pada suhu 800°C-1100°C. Synthetic diopside and wollastonite were produced by firing local silica sand, limestone and dolomite and diopside-wollastonite biocomposite was produced by sintering of the synthetic materials at temperature of 800°C-1100°C.
2	Penghasilan ingot gigi restoratif menggunakan mineral tempatan. Production of dental restorative ingots using local minerals.	Kaca-seramik berasaskan leusit ($KA1Si_2O_6$) dihasilkan menggunakan pasir silika dan feldspar tempatan untuk digunakan sebagai bahan ingot gigi restoratif. Ingot yang dihasilkan mempunyai kekuatan dan sifat bioaktif setanding dengan ingot komersil. A leucite ($KA1Si_2O_6$) based glass-ceramic was produced using local silica sand and feldspar to be used as a dental restorative material ingots. The strength and bioactive properties of the ingots produced were comparable to commercial ingots.

Kertas Teknikal

Technical Papers

- Malek Selamat & Siti Mazatul Azwa, 2012. Synthesis of leucite glass-ceramics using Malaysian silica sand and feldspar for restorative dental materials. Persidangan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia 2012, Hotel Pullman, Kuching Sarawak 19-22 Jun 2012.
- Siti Mazatul Azwa & Malek Selamat, 2012. Crystallisation behaviour and properties of leucite glass-ceramics. International Conference of Solid State Science and Technology. Hotel Holiday Inn, Melaka 18-20 October 2012.



Photo: Siti Azwa

Diopsid dan wolastonit sintetik yang dihasilkan daripada dolomit, batu kapur dan pasir silika.
Synthetic diopside and wollastonite produced from dolomite, limestone and silica sand.




Photo: Azlin Zahara

- Mikrograf FESEM permukaan komposit diopsid-wolastonit selepas direndam dalam larutan SBF selama 7 hari menunjukkan pertumbuhan hidroksiapatit (tulang tiruan). / Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM) micrograph of surface of the diopside-wollastonite composite after being immersed in Synthetic Body Fluid (SBF) for 7 days showing hydroxyapatite (artificial bone) growth.
- Struktur hablur leusit yang terbentuk dipermukaan ingot selepas proses pensinteran. / Crystal structure of leucite that formed on the surface of ingot after the sintering process.



Photo: Haminuddin Khalid

Ingot leusit yang dihasilkan menggunakan pelbagai komposisi feldspar.
Leucite ingots produced using different feldspar compositions.

Teknologi Pemprosesan Mineral Mineral Processing Technology

Aktiviti penyelidikan yang dijalankan tertumpu kepada kajian teknologi hijau dalam pemprosesan mineral dan kajian rawatan sisa sianida. Selain itu, terdapat juga aktiviti penyelidikan kontrak yang telah dijalankan atas permintaan dari pihak industri.

Untuk kajian teknologi hijau dalam pemprosesan mineral, aktivitiya tertumpu kepada mendapatkan kaedah pemprosesan alternatif untuk bijih timah primer yang lebih cekap dan mesra alam. Dua kajian yang telah disiapkan ialah yang berkaitan:

- a) pengasingan mineral sulfida dengan kaedah pengapungan sampel bijih kompleks
- b) pencirian, pembebasan mineral dan proses awal untuk sampel bijih kompleks yang mengandungi kasiterit bersaiz halus.

Kajian rawatan sisa sianida, masih bertumpu untuk menghasilkan sistem penyokong silika untuk pemangkin titanium. Penyokong aerogel yang dihasilkan telah menunjukkan sifat hydrophobic yang amat baik namun ianya masih mengalami retakan. Ini terjadi kerana proses pengeringan aerogel yang dibuat dengan menggunakan reagen masih belum mencapai tahap kesesuaiannya.

Antara penyelidikan kontrak yang telah dijalankan ialah proses pengasingan magnetit untuk sampel yang diperolehi dari Pulau Sumbawa, Indonesia dan kajian prosesan bijih timah untuk sampel aluvium dari Kuala Langat, Selangor bagi membantu rekabentuk loji pemprosesan.

Research activities carried out focus on the study of green technology in mineral processing and cyanide wastewater treatment. In addition, contract research activities were also carried out based on request from the industry.

For the study of green technology in mineral processing, activities were focused on developing more efficient and environmentally friendly alternative processing methods for primary tin. Two completed studies were related to:

- a) the separation of sulphide minerals from complex ore samples by froth flotation process
- b) characterisation studies, mineral liberation and preliminary processing studies for complex ore samples containing fine-sized cassiterite.

For cyanide wastewater treatment, research focused on the production of silica support systems for titanium catalyst. The aerogel silica support produced showed very good hydrophobic characteristics. However the aerogel silica support still experienced cracking. This occurred because the right parameters for the drying of aerogel using reagent have not been determined.

The contract research carried out were on the separation of magnetite samples obtained from the island of Sumbawa, Indonesia and on studies of alluvial tin sample from Kuala Langat, Selangor for designing the processing plant.

Kertas Teknikal

Technical Papers

1. Md. Muzayin Alimon, Ismail Ibrahim, Nazwin Ahmad & Salmah Baharuddin, 2012. Pemprosesan bijih timah kompleks: Kaedah pengapungan buih sebagai alternatif untuk proses pengasingan mineral-mineral sulfida, Persidangan JMG, 19 - 22 Jun 2012, Kuching, Sarawak.
2. Ismail Ibrahim & Md. Muzayin Alimon, 2012. Bench scale feldspar flotation for Malaysian pegmatite ore using non hydrofluoric modifier and mixed collector. Workshop on Mineral Processing and Beneficiation, 25-27 September 2012 Johannesburg, South Africa.
3. Ismail Ibrahim, 2012. Introduction to FTIR and zeta potential and its uses. Taklimat pemantapan pembantu penyelidik. Hotel Heritage, Cameron Highland, Pahang. 1 November 2012.
4. Md. Muzayin Alimon, 2012. Processing method of sulfide ores in reducing AMD effect. Workshop on Acid Mine Drainage (AMD), 19-20 November 2012, Mineral Research Centre, Ipoh, Perak.



Photo: Haminuddin Khalid

Mesyuarat penyelidikan usahasama dengan Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan, USM Kelantan.
